


Jilid 1
Bil. 25



Hari Selasa
10hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2253]

MENANGGUHKAN PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18 [Ruangan 2254]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Jadual—

Kepala B. 19 [Ruangan 2257]

Kepala B. 20 [Ruangan 2300]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Kepala P. 19 [Ruangan 2257]

Kepala P. 20 [Ruangan 2300]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2256]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 10hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Pedas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).

- Yang Berhormat TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

Yang Berhormat DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HOSPITAL BESAR SEREMBAN— PENTADBIRAN

1. **Tuan Fan Yew Teng** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan sekarang di Hospital Besar Seremban selepas lawatan beliau baru-baru ini diikuti dengan kenyataan beliau tentang pentadbiran yang lembab dan tidak cekap.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Hospital Besar Seremban adalah bertambah baik semenjak lawatan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan saya sendiri baharu-baharu ini.

BANTUAN BUKU-BUKU TEKS

2. **Tuan S. Samy Vellu** (*di bawah S.O. 24*) (2) bertanya kepada Menteri Pelajaran jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kementerian beliau sebagai bantuan buku-buku teks kepada murid-murid di sekolah-sekolah jenis kebangsaan di Malaysia Barat dalam tahun-tahun 1973 dan 1974.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak memberi sebarang bantuan buku-buku teks kepada murid-murid di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan pada tahun 1973. Pada tahun 1974 Kementerian Pelajaran telah membelanjakan sebanyak \$1,071,800 untuk memberi bantuan buku-buku teks kepada murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Semenanjung Malaysia.

BANK OF CHINA DI MALAYSIA

3. **Tuan Fan Yew Teng** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sebab-sebab Kerajaan enggan membenarkan pembukaan Bank of China di Malaysia walaupun kita sudah menubuh hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China.

(b) bukannya Kerajaan berpendapat bahawa dengan adanya Bank of China di Malaysia, hubungan perdagangan di antara kedua-dua negara akan bertambah pesat dan maju.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelesenan bank-bank perdagangan di Malaysia adalah dikawal oleh Akta Bank, 1973. Samada sebuah lesen dikeluarkan atau tidak kepada sesuatu bank tertakluk bukannya terhadap pertimbangan-pertimbangan dasar sahaja, tetapi juga samada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank boleh dipatuhi. Penubuhan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China tidak ada hubungannya dengan perkara ini.

Mengenai hubungan perdagangan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa hubungan perdagangan itu adalah dijalankan sekarang oleh lain-lain bank perdagangan di Malaysia dan saya tidak mendapat sebarang kesulitan yang timbul mengenai perkara ini.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah dimaklumkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Menglembu hendak membuat satu permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 dan kerana itu Yang Berhormat telah memberi notis kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan sekarang saya jemput Yang Berhormat itu membuat permohonannya.

Tuan Fan Yew Teng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, menurut Peraturan 18 (1) Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya ingin meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ini ditangguhkan kerana merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul tersebut berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan rasa terkejutnya ke atas hakikat iaitu beberapa mahasiswi-mahasiswi Universiti Malaya telah dipukul dengan kejamnya dengan rotan dikampus oleh pihak Polis pada

waktu subuh 8hb Disember, 1974, yang boleh dibuktikan dengan kenyataan-kenyataan yang ditulis dan ditandatangani oleh mahasiswi-mahasiswi berkenaan dan yang boleh dibuktikan lagi dengan lanjutnya oleh repot-repot perubatan dan Polis melalui repot-repot bernombor 3165/74, 3166/74, 3167/74, 3168/74, 3169/74, 3170/74 yang dibuat di Balai Polis Brickfields, Kuala Lumpur; dan

Bahawa Dewan ini mengecam dengan sekeras-kerasnya tindakan Polis ini yang tidak bertanggungjawab dan yang terlalu melampau; dan

Bahawa Dewan ini menggesa pemecatan Menteri atau Menteri-menteri atau pegawai atau pegawai-pegawai Polis yang bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan yang malu dan bengis.

Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, sebagaimana yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mendengar baru sebentar tadi, meminta izin di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai dan berkehendak supaya disegerakan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua sebelum membenarkan permintaan seperti itu hendaklah puas hati bahawa perkara yang hendak dibincangkan itu mestilah memenuhi tiga syarat yang tepat:

- (i) Perkara itu perkara tertentu;
- (ii) Perkara itu berkenaan kepentingan orang ramai; dan
- (iii) Perkara itu berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan seteliti-telitinya, dengan seadil-adilnya dan saya berpendapat bahawa ketiga-tiga syarat yang saya sebutkan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat tidak dipenuhi. Perkara ini tidak tertentu, kerana pada pendapat saya kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak tepat oleh sebab tidak dapat dipastikan kebenarannya samada mahasiswi-mahasiswi itu telah dipukul dengan kejamnya dengan rotan atau

tidak. Perkara ini tidak berkehendak disegerakan kerana mengikut surat itu juga, surat daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu tadi, aduan sudahpun dibuat oleh pihak yang berkenaan kepada pihak Polis dan perkara ini di dalam siasatan. Kita harus menunggu apakah keputusan siasatan itu. Saya tidak boleh menerima perkara ini berkenaan kepentingan orang ramai, kerana aduan ini melibatkan beberapa orang mahasiswi-mahasiswi atau penuntut sahaja iaitu pada masa pihak Polis menjalankan tugas mereka untuk menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kepentingan negara mengatasi segala kepentingan yang lain.

Berkenaan dengan di akhir surat yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu berkehendakkan supaya Menteri atau beberapa orang Menteri dipecat, Ahli Yang Berhormat patutlah sedar bahawa memecat Menteri dan melantik Menteri itu adalah hak mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu di luar daripada bidang kuasa Dewan ini. Oleh kerana itu, saya menolak permintaan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu dan tidak memberi izin kepadanya untuk mengemukakan Usul menangguhkan mesyuarat ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18. (*Tepuk*).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER-BEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (9hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menyambung mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementeriannya yang ditangguhkan semalam.

Kepala B. 19 (Jadual)—

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.45 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Pengerusi, ada dua perkara sahaja yang saya suka bentangkan sebagai menyambung mengemukakan Anggaran Belanjawan yang saya sebutkan semalam. Perkara yang pertama ialah:

Bantuan kepada Penanaman Semula Getah Sarawak dan Sabah

Bantuan secara langsung (grant) sebanyak \$2,567,100 adalah diperlukan bagi menyelesaikan bantuan kepada peserta-peserta rancangan penanaman semula getah Sarawak. Tidak ada rancangan tanaman semula dan tanaman baru getah dalam tahun 1975, dengan sebab peruntukan wang telah dipindahkan kepada Rancangan Subsidi bagi tanaman lada hitam, Pusat Latihan dan Pengeluaran Ternakan Sapi dan Rancangan Mempelbagiakan Pertanian.

Bantuan secara langsung sebanyak \$1.15 juta adalah dikehendaki bagi meneruskan bantuan bagi projek penanaman baru dan penanaman semula getah dan lain-lain tanaman kepada Sabah atas rancangan seluas 8,000 ekar.

Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad (FIMA)

Peruntukan pembangunan untuk FIMA sebanyak \$1,411,950, sebenarnya bukan lagi tanggungan Kementerian saya oleh sebab FIMA telah dipindahkan tanggungjawabnya kepada Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam. Peruntukan yang dipohon ini masih dimasukkan di sini oleh sebab-sebab percetakan yang telah dibuat sebelum pemindahan berlaku tetapi akan disesuaikan selepas kelulusan oleh Dewan ini diperse-tujui.

FIMA memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$1,411,950 bagi tahun 1975 bagi tujuan meneruskan projek-projek pembangunannya yang telah dijalankan pada tahun-tahun yang telah lalu. Kesemua peruntukan itu adalah diberikan sebagai saham Kerajaan dalam syarikat-syarikat FIMA untuk rancangan-rancangan:

- (i) Tanaman gajus di Pahang dan Trengganu;
- (ii) Ladang buah-buahan di Johor Tenggara (Sungai Mupor);
- (iii) Ladang ternak ayam di Rawang; dan
- (iv) Ladang nenas di Johor Barat.

Jumlah peruntukan pembangunan di bawah Kementerian Perusahaan Utama bagi tahun 1975 sebenarnya ialah sebanyak \$28,092,086 setelah ditolak peruntukan pembangunan untuk FIMA kepada Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

2.48 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, dalam membicarakan Kepala B. 19 yang dibentangkan oleh Kementerian Perusahaan Utama yang meliputi di dalamnya berkenaan dengan perusahaan utama getah, kayu-kayan, tembakau, bijeh timah dan lada hitam. Tetapi bagi saya sebagai wakil daripada Kangar, Perlis, perkara yang

saya akan sentuh di sini ialah satu dua perkara berkenaan dengan getah dan yang kedua berkenaan dengan masalah tembakau.

Sebelum saya membawa beberapa syor ataupun cadangan, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, terutama kepada Menteri yang berkenaan yang baru-baru ini telah mengambil tindakan menaikkan harga getah dan tindakan yang tersebut boleh dikatakan berjaya. Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sama-sama maklum, di dalam perusahaan getah ada terdapat pekebun-pekebun besar seperti estate dan daripada pekebun-pekebun kecil. Saya merasa dukacita kerana kadang-kadang getah pekebun-pekebun kecil ini sebagaimana di masa yang lepas, gred getah itu terlampau direndahkan sangat oleh pihak pembeli, sedangkan kalau hendak dikaji dengan halus di atas mutu pekebun-pekebun getah yang besar, maka grednya tidak patut dilebihkan oleh pihak pembeli-pembeli yang berkenaan. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Menteri Perusahaan Utama selain daripada apa yang dijalankan di masa yang lepas, maka patutlah memberi seimbangan yang wajar kepada gred-gred getah kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, di masa Menteri Perusahaan Utama membentangkan Anggaran Perbelanjaan Kementerianannya pada petang semalam, saya berasa gembira mula-mulanya apabila mendengar beliau akan mengadakan tiga kilang kecil untuk memproses getah. Saya angan-angan dalam hati tentulah salah satu daripadanya akan pergi ke negeri saya, Perlis, khususnya Perlis Utara kerana di situlah boleh dikatakan salah satu tempat mata pencarian yang banyak daripada kaum rakyat bumiputra ialah getah, tetapi malangnya kita dengar pembinaan kilang itu rupanya hampir dengan Perlis iaitu Kedah. Perkara ini biasa saya bercakap di masa yang lepas dengan Menteri yang dahulu mengatakan Perlis satu negeri yang kecil, kalau dihitug atau dijumlah kebun-kebun getah yang ada tak patut dan tak layak diadakan satu kilang. Ini boleh jadi berdasarkan kepada pekebun-pekebun getah yang ada geran, tetapi diantara kebun-kebun getah yang mempunyai lesen sewa dan sebagainya saya agak masih banyak tak dibanci oleh pihak yang berkenaan. Kalau dibanci kesemuanya sekali layak agak saya diadakan sebuah kilang seperti yang ada di negeri lain. Maka dengan sebab itu, saya

merayu kalau tak boleh dibuat pada tahun ini pun akan menjadi ingatan yang sangat besar kepada Menteri yang berkenaan di satu masa patutlah di Perlis diadakan juga sebuah kilang sebagaimana tempat-tempat yang lain.

Dalam hal getah ini juga, kita telah tahu Kerajaan kita telah memberi berbagai subsidi kepada rakyat bumiputra baik pemberian baja kepada petani dan sebagainya, maka saya berpendapat kepada penorih-penorih getah ini juga patut kita beri subsidi dengan cara kelebihan pada satu pikul \$5.00 iaitu kepada penorih-penorih getah, tetapi bukan pekebun kecil, apatah lagi kepada pekebun-pekebun besar. Sebagai seorang petani yang tahu selok-belok penorih getah, saya amatlah mendalam dan saya sendiri tahu dengan mendalam. Jadi mengikut harga getah yang ada sekarang, syukurlah telah dinaikkan sedikit, tetapi nasib penorih-penorih getah ini amatlah sedih, kerana pendapatannya tidak mencukupi dibandingkan dengan kenaikan harga barang sekarang. Jadi saya berseru atau berharap kepada Menteri selain daripada dinaikkan harga getah patut diberi satu keistimewaan, bukan kepada pekebun kecil, tetapi kepada penorih-penorih getah sebagai satu subsidi kepada mereka iaitu orang yang tidak mempunyai kebun, tetapi mereka menorih getah yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada satu lagi perkara yang juga ada di Perlis iaitu tembakau. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin, saya akui di Perlis boleh dikatakan sekarang tanaman tembakau amatlah pesat dan banyak ditanam oleh segenap golongan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah petang semalam adalah satu kenyataan. Kalau satu-satu tanaman yang pasarannya ada tak payahlah kita kempen, maka dengan sendirinya rakyat akan menanamnya, dengan sebab itu rakyat Perlis berlumba-lumba untuk menanam tembakau. Di dalam buku yang tebal ini juga saya berasa gembira, kerana ada salah satu daripada rancangan Kementerian berkenaan akan mengadakan kilang rokok. Saya berharap kilang tersebut patut disegerakan dan saya sekali lagi minta sekiranya boleh diadakan satu kilang lagi iaitu kilang cerut. Sebab saya kata begitu, di satu ketika kita sama-sama makan di rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya tengok salah satu keistimewaan yang diberi oleh beliau pada akhir minuman

kepada kita semua yang hadir ialah cerut, dan cerut ini saya tengok kalau di kedai harganya tak kurang daripada 50 sen. Saya teringat lagi di masa Jepun yang lepas, kilang cerut atau perusahaan cerut dibuat di Perlis. Jadi saya berharap dengan Kementerian Perusahaan Utama supaya membanyakkan tanaman tembakau, dan cerut-cerut yang begitu mahal harganya patut juga dibuat di tanahair kita dan kalau ada sekalipun patut dibuat lebih banyak lagi. Saya berpendapat bahawa manusia, termasuk saya sendiri banyak menghisap rokok, kalau hendak dibandingkan lebih banyak daripada kita makan nasi dan lain-lain, terutama kalau hendak dibandingkan dari segi harganya. Kalau perusahaan tersebut diadakan di tanahair kita sendiri, agak saya harganya bertambah baik dan dapat memberikan pekerjaan kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat pada satu masa dahulu mengatakan tidak menghisap rokok, dan mengatakan wanita membazir pakai make-up, sekarang Yang Berhormat merokok pula.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya kata dahulu dalam perbincangan Belanjawan saya merokok, sebab itu saya suka dinaikkan cukai; saya tahu rokok tidak berfaedah walaupun saya sendiri menghisap rokok dan begitu juga cerut, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan tembakau ini juga, baru-baru ini saya sebagai salah seorang daripada yang tahu selok-belok tanaman tembakau. Dalam kawasan saya sendiri banyak menanam tembakau. Saya berasa gembira di atas kenaikan harga tembakau dan akan diberi harga-harga yang dinaikkan di masa-masa yang lepas kepada penanam-penanam tembakau, tetapi yang menjadi satu kesulitan ada pihak-pihak yang meng-anjurkan atau membuat perusahaan tembakau bila sudah mendengar perisytiharan daripada pihak berkenaan, maka pihak penanam-penanam tersebut berlumba-lumba beri nama ataupun meminta wang yang berkenaan. Setahu saya sampai sekarang di Perlis belum dapat wang tunggakan ataupun yang diuntukkan itu, di negeri lain saya tidak tahu. Jadi saya berharap kepada pihak yang berkenaan seboleh-bolehnya tolonglah beri segera dan kalau boleh bukanlah setakat Kementerian Perusahaan Utama, satu-satu kenaikan yang kita akan beri kepada rakyat, saya berharap sebelum kita iklan atau

mengumumkan biarlah sudah hampir masanya. Jangan lambat lagi diperolehi tetapi kita beritahu, ini menjadikan problem ataupun kesusahan di atas pengusaha dan penanam sendiri.

Akhirnya sekali, Tuan Pengerusi, sebagaimana di Perlis saya katakan tadi penanaman tembakau telah mendapat tempat yang baik dan Kerajaan juga telah mengadakan satu Lembaga Penanaman Tembakau. Saya berharap juga di Perlis ini walaupun tak ada, sebab Perlis negeri kecil ataupun ditetapkan oleh Kerajaan untuk satu Lembaga bagi seluruh Malaysia, tetapi saya dapati pegawai-pegawainya sungguh-sungguh bekerja dengan kuat, memandangkan dengan keadaan yang pesat penanaman tembakau yang begitu baik dan penanaman tembakau tadi satu perancangan yang baru, maka patut dapat nasihat-nasihat yang istimewa daripada pegawai-pegawai penanaman tembakau. Jadi, saya berharap patutlah ditambah beberapa pegawai lagi, setakat ini ada pegawai-pegawai di mana ibu pejabatnya di Kedah, banyak pegawai-pegawai di Perlis itu Ibu Pejabatnya di Kedah, cuma pegawai-pegawai kecil sahaja ada di Perlis. Jadi, kalau tak ada yang khas di Perlis sekalipun patutlah ditambah lagi pegawai.

3.58 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang menyokong penuh di atas perbelanjaan bagi tahun 1975 bagi Kementerian Perusahaan Utama dan saya mengambil peluang mengucapkan tahniah di atas kejayaan Yang Berhormat Menteri, kerana di dalam rancangan jangka pendek menaikkan harga getah didapati mendapat kejayaan. Sungguhpun begitu di dalam keadaan cara yang semacam itu mungkin ada perkara-perkara yang membimbangkan perasaan saya dan mungkin juga akan membimbangkan perasaan pekebun-pekebun kecil mengenai dengan cara-cara yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, misalnya, nasib penorih getah di estet. Saya dapat tahu pada masa ini ada estet yang telahpun mengurangkan masa bekerja iaitu sebanyak 18 hari sahaja bekerja dalam masa sebulan. Ini telah membimbangkan pihak buruh di dalam estet dan telah mengangapkan cara-cara yang dijalankan oleh Kerajaan ini merugikan mereka pula. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Menteri berkenaan dapat menyiasat

perkara ini dan dapat pula pegawai-pegawai berkenaan memerhati cara-cara mereka yang terlibat, yakni estet itu menjalankan perusahaan mereka bersangkutan dengan buruh-buruh yang ada di dalam estet mereka sendiri supaya keadaan bimbang buruh-buruh estet ini dapat diatasi pula.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan cara membeli getah yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini. Ada terdapat di kawasan saya sendiri pegawai-pegawai yang membeli getah ini walaupun berjalan daripada suatu tempat ke suatu tempat yang mengambil masa kadang-kadang sampai seminggu baru sampai ke tempat tersebut. Cara-cara seperti ini telah dapat ataupun telah dialami oleh pekebun-pekebun kecil merasai susah cara-cara mereka hendak menjual getah kepada Kerajaan. Hal ini saya sedar, kerana cara-cara yang dijalankan pada masa sekarang ini ialah kerana kekurangan pegawai-pegawai yang membeli getah tersebut.

Saya suka mengesyorkan supaya ditetapkan pusat-pusat, yakni tempat-tempat membeli getah di kawasan-kawasan yang tertentu dan dengan cara ini bolehlah pihak pekebun-pekebun kecil ataupun penjual-penjual getah bagi pihak pekebun-pekebun kecil dapat pergi ke tempat-tempat tersebut dengan mudahnya, tidaklah payah seperti sekarang ini yang terpaksa pegawai-pegawai itu pergi melawat dan mungkin oleh kerana terlalu lama sehingga seminggu ataupun beberapa hari penoreh-penoreh getah ini yang biasanya mereka menjual getah dikumpul sehari ataupun dua tiga hari sahaja mereka telah jual, mereka akan merasai kesusahan berkenaan hendak menjual getah mereka. Oleh sebab itu, saya suka mengesyorkan supaya cara-cara pembeli getah ini dapat disusun dengan seberapa baik yang boleh.

Ada suatu perkara yang menarik hati lagi ialah berkenaan dengan harga getah yang selalu disiarkan di dalam akhbar, talivisyen dan juga di radio dengan harga kilo. Oleh sebab itu saya suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat selain daripada harga kilo yang telah ditentukan dibuat satu kandungan (bracket) bersama-sama dengan harga kilo itu dibeli dengan harga kati kerana mereka yang menjadi pekebun-pekebun kecil, penjual-penjual getah ini tidak faham, di dalam Dewan ini kita faham berkenaan dengan

harga kilo tetapi pekebun-pekebun kecil tidak faham dengan cara timbang kilo. Oleh sebab itu, saya berharap sangat kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengemas-kan ataupun dapat menunjukkan harga kilo dan harga kati kepada rakyat pada masa ini, kerana apabila sahaja penjual-penjual getah ini menjual getah mereka kadang-kadang disebut oleh pihak-pihak yang tertentu dengan harga kilo. Sebenarnya mereka ini tidak tahu dengan harga kilo, oleh sebab itu eloklah harga kati disamakan dengan harga kilo.

Tuan Pengerusi, cara-cara pelaksanaan getah yang telah diberi subsidi pada masa ini mendapat kejayaan, tetapi ada didapati mereka yang sudahpun beberapa lama menjadi pembeli-pembeli getah telah merasa gelisah, dan saya suka mengambil perhatian pembeli-pembeli getah ini marilah kita bersama-sama dengan Kerajaan membantu Kerajaan dan membantu rakyat. Mereka yang terlibat dengan getah ini dapat dibeli mengikut cara-cara yang dibeli oleh Kerajaan ataupun kurang sedikit daripada yang telah ditentukan oleh Kerajaan supaya dengan cara ini tidaklah terasa kesusahan kepada rakyat. Dengan cara ini juga harga getah akan naik dan dapat dinikmati oleh rakyat yang belum lagi sampai pegawai-pegawai daripada Kementerian ini ke dalam kawasan-kawasan pendalaman.

3.04 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Utama yang berjumlah \$31.5 juta untuk Perbekalan dan Pembangunan bagi tahun 1975, dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil langkah yang tegas dan berkesan bersabit dengan harga getah dan sektor pekebun-pekebun kecil.

Langkah tegas yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menolong pekebun-pekebun kecil bersabit dengan harga getah keping mereka pada masa ini telah mendatangkan kesan yang boleh dikatakan baik dan nikmatnya telahpun dirasai oleh masyarakat kita pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Kalau harga getah keping pekebun-pekebun kecil yang dijual di kampung-kampung sebelum daripada kenyataan yang

diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di Dewan ini, harga getah-getah keping pekebun-pekebun kecil adalah di antara 26 sen hingga 30 sen sahaja pada sekati, tetapi sekarang pekebun-pekebun kecil telah mendapat harga getah-getah keping mereka dengan harga di antara 42 sen hingga 46 sen sekati. Hetong panjang harga getah keping di kebun-kebun kecil sekarang telah naik kira-kira 18 sen pada sekati. Ini bukan sahaja telah naik kira-kira 60% tetapi kenaikannya adalah sangat cepat dan ini memberikan kesan kepada penghidupan pekebun-pekebun kecil itu sendiri.

Selain daripada itu, beberapa rancangan-rancangan yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan baik pun yang bersifat jangka pendek dan untuk jangka panjang pada masa sekarang telahpun menunjukkan tanda-tanda yang baik kepada pekebun-pekebun kecil pada masa yang akan datang. Walaupun demikian, saya ingin hendak menyentuh sedikit di bawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MRDC).

Tuan Pengerusi, saya mendapat faham bahawa di dalam perkara memproses dan memasarkan getah untuk menolong pekebun-pekebun kecil bagi mendapatkan harga yang tinggi, pihak Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad telah membina 4 buah kilang dalam tahun 1974 dan akan membina tambahan lagi sebanyak 3 buah dalam tahun 1975. Oleh kerana kita telah menaruh kepercayaan bahawa getah pekebun-pekebun kecil yang diproses dan dipasarkan melalui MRDC itu akan memberi pertolongan yang besar kepada rancangan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat pekebun-pekebun kecil, maka saya mencadangkan supaya pembinaan kilang-kilang MRDC hendaklah ditambah dari satu tahun ke satu tahun. Saya mendapat faham bahawa ada cadangan-cadangan hendak membina sebuah kilang MRDC dalam daerah Padang Terap maka saya harap cadangan itu akan dapat dilaksanakan, kalau tak dapat pun dalam tahun 1975, saya harap kiranya dilaksanakan dalam tahun 1976 kelak.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan Rancangan-rancangan Tanam Semula Getah iaitu Pecahan-kepala 1, saya mendapat faham bahawa pihak RISDA ada menjalankan berbagai-bagai rancangan. Selain daripada rancangan-rancangan seperti biasa iaitu yang

lazim dijalankan sejak beberapa lama dahulu ada pula beberapa rancangan yang lain, seperti rancangan tanaman secara berkelompok, rancangan kredit untuk tanaman selingan dan berbagai-bagai rancangan yang lain lagi.

Saya mendapat tahu bahawa rancangan tanaman semula secara berkelompok dan juga rancangan kredit tanaman selingan adalah mendapat sambutan yang sangat-sangat baik dan menggalakkan daripada pekebun-pekebun kecil dalam negeri kita. Pada hemat saya, jika pelaksanaan rancangan tanaman semula berkelompok itu diselaraskan dan dilaksanakan serentak dengan rancangan kredit tanaman selingan sambil disusunkan suatu rangka perlaksanaannya kepada kedua-dua rancangan itu maka saya menaruh yakin bahawa bukan sahaja matlamat rancangan tanaman semula pekebun kecil getah itu mencapai kejayaan yang besar bahkan juga akan memberi kesan kepada penghidupan pekebun-pekebun kecil itu sendiri di zaman inflasi ini.

Saya mendapat faham bahawa satu daripada sebab yang menjadikan setengah daripada pekebun-pekebun kecil bersifat teragak-agak hendak menanam semula kebunnya walaupun mereka tahu bahawa bantuan wang bagi rancangan tanaman semula itu telah ditambah oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa dan pada masa ini hampir \$1,000 pada seekar ialah kerana mereka merasakan bahawa mereka sekeluarga akan menanggung kesusahan hidup yang agak lebih berat daripada masa mereka sebelum menanam semula apabila pokok-pokok getah mereka ditebang untuk tanaman semula kelak. Sebab yang seumpama ini juga menyebabkan berlakunya beberapa kegagalan kepada pekebun-pekebun kecil yang telah menanam semula, tertinggal begitu sahaja setelah menerima bantuan yang pertama ataupun bantuan yang kedua.

Tuan Pengerusi, sepertimana kata saya tadi bahawa jika rancangan tanam semula berkelompok dilaksanakan selaras dengan rancangan kredit tanaman selingan dengan disusun khas satu rangka pelaksanaan dengan diperuntukkan sedikit sebanyak wang untuk mengawal perlaksanaannya dari satu masa ke satu masa, maka saya percaya bahawa Rancangan Tanam Semula yang dijalankan oleh RISDA sekarang ini akan mendatangkan kejayaan yang lebih besar pada masa yang akan datang.

Satu perkara lagi bersabit dengan Tanaman Semula Getah dan juga lain-lain rancangan tanaman getah seperti Getah Tanaman Ladang Awam, Tanaman Getah FELDA dan sebagainya, saya lihat dalam rancangan-rancangan tersebut itu kebanyakannya ditanam dengan kacang-kacang menutup bumi. Saya mendapat tahu daripada pihak-pihak tanaman semula di kawasan saya bahawa kalau tanah-tanah yang ditanam semula itu boleh ditanam padi huma dan perolehannya adalah agak baik juga. Pada selorong tanah tanam semula jika ditanam padi huma, akan mendatangkan padi (kalau di Kedah) dua kunca satu relong. Kalau kira ekar, kira-kira 400 gantang pada satu ekar dan mendatangkan hasil perolehan wang kira-kira \$400.00 pada seekar.

Saya mendapat faham bahawa di bawah Jabatan Tanam Semula ada mempunyai berbagai-bagai Jabatan termasuk Jabatan Penyiasat dan sebagainya, saya berharap benar supaya perkara tanaman padi huma di atas tanah-tanah yang dijalankan Rancangan Tanam Semula dapat kiranya disiasatkan dan kalau berjaya boleh dijadikan satu tanaman menggantikan tanaman kacang menutup bumi.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir sekali yang hendak saya sentuh sedikit ialah bahagian Penyelidikan, Taksiran Pemasaran dan Perancang yang ada di dalam Kementerian Perusahaan Utama, Aktiviti (3) Pecahan-kepala 1100 B. 19. Saya berharap bahagian ini akan menjalankan aktivitinya dalam perkara penyelidikan dan jika mustahak merencanakan satu rancangan bersabit dengan bahan-bahan utama negara kita ini seperti getah, kayu-kayan dan sebagainya, tidak terus diekspot dalam bentuk bahan-bahan mentah sahaja. Oleh kerana masaalah ini telah dibangkitkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Jerlun—Langkawi pada 6hb Disember yang lalu dan saya tidaklah berhajat hendak menyentuhnya dengan lebih panjang lagi.

Sekianlah sahaja dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mengambil langkah yang tegas dan berkesan dalam membantu dan menolong pekebun-pekebun kecil pada masa ini.

3.13 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya hendak memberi pandangan sedikit di bawah Kementerian Perusahaan Utama di muka surat 137, Kepala B. 19 berkenaan dengan Research, Assessment, Marketing and Planning.

Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, when the price of rubber was just under \$1.00 per kilo plans to stabilise rubber prices and to keep the prices at a fairer level were announced by the Government. Since then, fortunately, the price has jumped impressively and is now between 30 cents to 40 cents above the pre-announcement level. It is difficult to assess, from what I gather, precisely the specific reasons for the dramatic increase in rubber price. Some say it may be due to speculative short-covering by unscrupulous speculators who were determined at one time to push the rubber price down. But whatever the actual reasons may be, Tuan Pengerusi, it cannot be denied that the turn around in prices came after the announcement of plans to stabilise rubber prices at a fairer level. This is encouraging because it is vitally important that the rubber smallholders should be able to obtain fair prices for their rubber, otherwise they will go hungry.

The hunger marches in Baling and student demonstrations during the past few days are vivid examples of the necessity to do everything possible to ensure that rubber smallholders earn enough to keep body and soul together.

Tuan Pengerusi, of course, the question of establishing the rubber price is not a simple matter; and I take it that the Government is doing its best and has taken the initiative to fight for fairer prices. However, to keep the momentum going, the co-operation of other rubber producing countries like Indonesia, Thailand, Ceylon and others is of the utmost importance. Every effort should be made to convince them to participate in a joint effort to keep the rubber prices up. Up to now, there has been no announcement of the co-operation by the other countries that they would join us in an effort to promote the prices of rubber. It is time now, therefore, to organise a summit meeting, if possible, of all rubber producing countries

to agree first and then to announce the common intention to obtain better and fairer prices for rubber. There should also be a common agreement to a "cut-back" in rubber production in view of the recession in consumer and industrial countries and also for a better liaison on marketing methods.

While the first hurdle is being attended to, i.e. to get the co-operation of the other rubber producing countries, there is, however, another hurdle or another constraint to be crossed, and that is, that we have to compete with synthetic substitute. The oil-producing exporting countries have been able to keep the prices of oil up because there is insufficient oil at the moment in the world market and therefore they can command good prices for oil. However, in the case of rubber, we have one difficult constraint to deal with, i.e. the synthetic substitute. However, so long as we keep the price of natural rubber competitive to that of synthetic rubber, it should not be too difficult to convince the other rubber producing countries and the price of natural rubber can be maintained at a level at least equivalent to the minimum cost of producing a low grade rubber as stated by the Minister of Finance—the S.P.R. 1500 of about 147 cents per kilo. Oil prices are high all over the world at the moment and for the present the cost of synthetic rubber production has also risen and, therefore, the minimum price of synthetic rubber per kilo is now 147 cents. If natural rubber can be sold at this minimum price and if we can convince the consumer countries that we are out for a long-term policy of maintaining stable rubber prices, then we might persuade them to switch over their production of tyres and other rubber products to the use of natural rubber. Therefore, it is also essential, in the discussion to convince the other rubber producing countries that it is better to have a common organisation and unity to fight for the better rubber price. One of the most convincing reasons is that in the long-term view it is better to have a stable price, albeit not the very high price, but still a stable and reasonable price.

As for marketing, it is also natural that we should also obtain the co-operation of neighbouring countries like Singapore—and here reports state that they are quite prepared to co-operate—and therefore with persistence and patience and with further liaison, I

am sure other members of the ASEAN region can also be persuaded to do so.

Tuan Pengerusi, the Government has also announced that it intends to buy rubber direct from smallholders. Whilst this is a credit-worthy intention, there have been reports or complaints from rubber dealers, who hope that this is not a measure that will keep them out of business. I hope that the Government will not put them out of business but, while it intends to help smallholders, it should also note that rubber dealers in their role as middlemen are playing a useful role in providing services not only as bankers but also as purchasers of natural rubber from the smallholders. Therefore, the dealers hope that the Government, while pursuing this policy of buying rubber direct from the smallholders, it will also encourage them to continue to perform their services which they have rendered quite well in the past.

Tuan Pengerusi, under Head B. 19, Page 140, Pecahan-kepala 1, Rubber Replanting Schemes, I wish to bring one matter to the notice of the Minister concerned. I have received reports from smallholders, who intend to replant, that, while they are in the process of asking the Department concerned to give replanting grants, quite often officers have been demanding monies from them, otherwise their land would not be approved for replanting; and that even after the permission has been given, demands have been made for a "cut" before money can be given or a cheque can be issued or even before fertilisers can be obtained. Therefore, Tuan Pengerusi, I would urge the Ministry concerned to look carefully into this matter of rubber replanting and to ensure that rubber smallholders are not victimised by unscrupulous, inefficient and corrupt officers.

While on the question of rubber replanting, Tuan Pengerusi, I think it is also about time that the Ministry concerned should devote some attention to encourage smallholders to plant oil palm or replant with oil palm, because it is quite evident that oil palm is giving good returns. While, of course, we also maintain that rubber should also be a good source of income for smallholders, those smallholders who are in possession of land which is suitable for oil palm, I feel, should be encouraged to do so because oil palm gives them better returns. Moreover, though it is also evident that in quite a number of

places like in Negri Sembilan, for example, where there are many hilly areas, it is quite impossible to plant oil palm and therefore, they have to plant or replant with rubber—probably those smallholders who own land which are in low lying areas should be encouraged to plant oil palm—and I am sure this also is in conformity with the Government's resolution to diversify the economy, especially the agricultural economy.

Lastly, Tuan Pengerusi, on the matter of sugar plantations, there are at present four sugar plantations in the country—one in Perlis, one in Perak, one in Negri Sembilan and probably another plantation in Johore. Tuan Pengerusi, the price of sugar in the world market is about \$3,000 per ton, while I am told that the price of sugar which is produced locally is about \$800 per ton. There is, therefore, Mr Chairman, Sir, great scope for sugar planting in this country.

Datuk Musa Hitam: Untuk penjelasan. Gula ataupun soal yang berkenaan dengannya tidak di bawah tanggungjawab Kementerian saya malahan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya harap perkara ini dibawa kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh membincangkan soal tersebut di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bila sampai masanya kelak.

Dr Chen Man Hin: Thank you.

3.25 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, saya telah dapat mengikuti beberapa persidangan-persidangan getah dan boleh dikatakan tiap-tiap kali persidangan diadakan wakil Malaysia telah membuat rayuan yang amat sedih supaya pembeli-pembeli getah kita dapat membeli getah dengan harga yang agak menasabah, tetapi daripada kajian saya segala rayuan-rayuan yang telahpun diperbuat oleh wakil-wakil Malaysia di persidangan-persidangan itu nampaknya have fallen on deaf ears ataupun tidak dihiraukan oleh negara-negara yang menggunakan bahan-bahan mentah seperti getah yang dikeluarkan oleh negara kita.

Dengan hal yang demikian, masanya telah tiba yang mana kita dapat mengikuti tindak-tanduk ataupun langkah yang bijak yang telah dijalankan oleh OPEC ataupun Oil-Producing Exporting Countries dan saya percaya sungguhpun ada getah tiruan (synthetic rubber), saya percaya apa yang telah dilakukan oleh OPEC akan dapat kita tiru, akan dapat kita ikuti dengan membuat beberapa pindaan dari segi taktik dan strategi untuk kepentingan harga getah yang dikeluarkan oleh negara-negara yang mengeluarkan getah.

Di sini saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telahpun memulakan langkah ke arah itu dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan terus membuat langkah-langkah yang tertentu dan bijak menuju ke arah yang telah saya sentuhkan tadi.

Di sini saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di atas tindakannya bagi membeli secara terus-menerus daripada pekebun-pekebun kecil dan saya juga berharap langkah ini akan dapat diteruskan dan janganlah hendaknya pressure ataupun tekanan-tekanan dari mana-mana pihak akan melemahkan semangat ataupun tindakan Kementerian yang berkenaan yang telahpun menjalankan tindakan bagi membeli secara terus-menerus daripada pengeluaran-pengeluaran pekebun-pekebun kecil.

Dalam pada itu ada suatu perkara yang juga sama pentingnya sekiranya Kementerian Perusahaan Utama telahpun membuat keputusan membeli secara terus-menerus getah daripada pekebun-pekebun kecil, maka Kementerian ini juga seharusnya pula membina kilang-kilang yang boleh memproses getah-getah daripada pekebun-pekebun kecil ini untuk dijadikan getah-getah yang mutunya lebih baik.

Saya amat berasa bangga mendengar daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu pada tahun ini MRDC akan membina tiga buah lagi kilang, tetapi jumlah itu amat tidak memuaskan. Tiga buah kilang sudah tentu tidak mencukupi untuk mengatasi masaalah yang penting itu. Saya mengucapkan tahniah di atas kebijaksanaan Kementerian yang telah mengambil tindakan

yang penting dengan membina kilang-kilang kerana ini adalah satu langkah yang bijak, tetapi sekiranya kilang yang hendak dibina itu tidak mencukupi maka hasrat yang begitu baik mungkin tidak akan tercapai dengan secara memuaskan. Maka dengan demikian, saya merayu supaya Kementerian dapat mengambil apa juga langkah bagi menambahkan lagi pembinaan kilang bukan setakat 3 buah malahan setakat 30 buah.

Satu lagi perkara yang saya suka menyentuh, Tuan Pengerusi, ialah adanya di negara kita satu persatuan yang boleh memainkan peranan penting kearah kesejahteraan dan kebaikan faedah bersama iaitu Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil, iaitu satu persatuan yang dianggotai oleh pekebun-pekebun kecil. Pendapat saya ialah persatuan ini belum lagi digunakan dengan sepenuhnya oleh Kementerian yang berkenaan. Saya mengambil contoh sumpamanya di dalam Kementerian Pertanian kita mempunyai Persatuan Peladang, dan di sini saya suka menyentuh iaitu apa yang Kementerian Pertanian telah buat dari segi menggunakan Persatuan Peladang, seharusnya pula Kementerian Perusahaan Utama ini menggunakan Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil di bawah Kementeriannya. Saya percaya banyak faedah-faedah yang boleh berhasil daripada menggunakan dengan secara effective atau dengan secara berkesan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil yang begitu banyak cawangannya dan yang begitu menyeluruh di seluruh negara kita ini. Sebagai contoh, bolehlah Kementerian Perusahaan Utama menggunakan pegawai-pegawai RISDA atau kakitangan-kakitangan RISDA untuk menolong Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil ini di dalam kerja-kerja mereka. Pada hari ini boleh dikatakan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil mengalami kekurangan pimpinan, mengalami kekurangan leadership bagi menjalankan kerja-kerja demi faedah mereka. Saya percaya sekiranya langkah seperti membenarkan kakitangan-kakitangan Kementerian untuk memberi pertolongan, nasihat dan bimbingan, Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil akan dapat mengeluarkan hasil sepertimana Persatuan-persatuan Peladang dapat memberikan faedah yang besar kepada ahli-ahlinya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh masalah mencari dan menambah lagi

kegunaan getah asli. Di sini saya berasa sedikit dukacita iaitu research ataupun pusat penyelidikan kegunaan getah asli adalah diletak di luar negeri, iaitu tepat lagi di England. Saya rasa sedikit curiga mengapa pusat ini diletakkan di England dan bukan di dalam negara kita. Saya berasa sedikit curiga oleh kerana tentulah agaknya pihak-pihak penyelidik yang membuat penyelidikan di pusat itu tidak akan membuat research, membuat penyelidikan-penyelidikan yang boleh bertentangan dengan kepentingan negara-negara mereka. Mungkin hasil penyelidikan mereka boleh menjadi suatu hasil yang bertentangan dengan faedah negara mereka, dan jikalau itu berlaku, tentulah penyelidikan mereka itu akan berhenti sungguhpun penyelidikan itu barangkali boleh menolong kita. Dengan hal yang demikian, saya berpendapat ada baiknya kita mengawal lebih rapi pusat penyelidikan itu supaya pusat penyelidikan itu boleh benar-benar memberi faedah kepada negara Malaysia kita. Bukanlah saya hendak memperkecil-kecilkan pusat penyelidikan selama ini, mereka telah juga mengadakan dan menghasilkan banyak juga penyelidikan-penyelidikan, tetapi saya berpendapat bahawa sekiranya tindakan-tindakan wajar dapat diambil, pusat itu akan dapat mengeluarkan hasil yang lebih lagi, yang lebih berfaedah lagi kepada negara kita dari segi mencari kegunaan baharu untuk getah asli kita.

3.35 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam membahas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Utama yang berjumlah \$31,506,336, ini saya hanya suka mengambil bahagian dalam satu perkara sahaja iaitu P. 19 Pecahan-kepala 6, muka 141 berkenaan dengan Lembaga Tembakau Negara, yang diminta di sini berjumlah \$300,000.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya suka hendak memperkatakan bagi Lembaga Tembakau Negara ini, mengikut pandangan saya harus Lembaga ini diperluaskan dan diperbanyakkan sedikit lagi tanggungjawabnya iaitu meliputi perusahaan menanam kacang tanah dan perusahaan menanam ubi kayu di dalam negara kita ini. Sebab apa yang saya lihat bahawa kedua-dua perusahaan ini tidak kurang juga dapat

menolong petani-petani kita menambah pendapatan dan dapat mencari penghidupan dengan cara menanam kacang tanah dan ubi kayu. Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Lembaga Tembakau Negara ini yang memang sepatutnya kita boleh memberi kepujian kepada Kementerian yang bertanggungjawab khasnya dan kepada pihak Lembaga ini amnya dalam usaha-usahanya menentukan dan meninggikan harga tembakau ataupun harga daun tembakau hijau ataupun yang kering. Salah satu daripada tugas Lembaga ini saya nampak iaitu A, B, C, D, E, iaitu mengadakan dan menguatkuasakan sistem gred dan harga daun tembakau hijau dan kering. Jadi, dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya tahu dan mengikut pengalaman saya, sewaktu pengilang-pengilang ataupun pengusaha-pengusaha tembakau ini hendak menjual daun-daun tembakau pada masa-masa yang lepas tidak mempunyai satu sistem yang khusus ataupun tidak mempunyai peraturan tetap yang boleh menentukan bahawa daun tembakau gred A, B ataupun C. Sewaktu kita hendak jual daun tembakau, maka terletak di atas pembeli itu semata-mata, apabila dibuka daun-daun daripada bil-bilnya untuk menentukan daun-daun ini gred A, gred B ataupun gred satu atau dua.

Saya berharap kepada Lembaga ini pada masa yang akan datang, kalau boleh menentukan seorang ahli ataupun seorang hakim ataupun apa yang hendak dinamakan saya tidak kira, tetapi pihak penjual dapat mengadu bahawa daun tembakaunya ini mesti dipastikan gred, dan keputusan ini adalah muktamat. Apa yang berlaku kadang-kadang satu bil daun tembakau terpaksa hendak dibawa dua atau tiga kali ke tempat pembeli, kadang-kadang kita bawa kepada pihak pembeli, misalnya, M.T.C. dia kata ini gred dua, apabila datang pembeli pihak Rothmans misalnya akan dapat gred satu, ini akibat daripada ketidak-tentuan, tidak ada satu kaedah yang dapat ditentukan oleh pihak pengusaha-pengusaha ini. Saya berharap dalam usaha-usaha yang baik ini akan dapat meninggikan mutu daun tembakau yang diusahakan dan dapat meninggikan harganya. Usaha-usaha pada masa-masa yang lepas ini, diteruskan dan ditambahkan lagi dengan beberapa syarat selain daripada tugas-tugas yang ditentukan, misalnya, pendaftaran dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya tahu beberapa tahun yang lepas perusahaan tembakau ini samada di Kelantan ataupun di Trengganu banyak perusahaan-perusahaan tembakau ini yang mengalami kerugian. Ini disebabkan kerana tidak ketentuan gred, penipuan daripada penanam-penanam yang menyalahgunakan baja, misalnya. Pihak Lembaga ini hendaklah menentukan sekarang ini harga daun hijau lebih tinggi dan pada akhir-akhir ini mengikut apa yang saya tahu bahawa penentuan gred inipun sudah memang berkurangan. Saya bersyukur dan mengucapkan tahniah sekali lagi kepada usaha-usaha Lembaga ini kerana dapat berusaha ke arah yang lebih baik.

Usaha yang terbaru yang dapat diusahakan oleh pihak Jabatan Kimia barangkali yang dapat mengusahakan satu jenis ubat yang boleh menambahkan baik lagi daun-daun tembakau yang sedikit-sebanyak disalahgunakan berkenaan ubat dan sebagainya.

Pihak penanaman tembakau ini baru cuba hendak merasai nikmat yang lebih daripada harga daun tembakau yang tinggi sekarang ini. Maka datang pula masalah inflasi. Tetapi harga baja ini terlampau melambung tinggi naik hampir-hampir separuh harga daripada dua tahun yang lepas. Sekarang ini harga sudah meningkat antara \$30 hingga \$40 bagi satu kampil. Saya mengharap benar-benar kepada pihak Lembaga ataupun Kementerian yang bertanggungjawab supaya dapat menimbangkan subsidi sama kepada baja-baja tembakau dan mudah-mudahan pihak pengusaha atau penanam-penanam tembakau di kampung dapat menikmati sebagaimana juga penanam-penanam padi mendapat subsidi harga baja ataupun kalau Lembaga ini berusaha mencari satu jalan ikhtiar yang membolehkan pihak penanam tembakau ini membeli secara langsung daripada Lembaga ini ataupun daripada orang yang tertentu bagi mengelakkan pembayaran lebih dua kali. Misalnya, kalau pihak pengusaha tembakau terpaksa membeli baja daripada pihak kompeni-kompeni, maka sudah tentu pihak pengusaha ini akan menjual kepada penanam-penanam itu dengan mengambil untung \$1 atau \$2 bagi tiap-tiap satu kampil. Kalau pihak penanam itu dapat diberi baja yang lazimnya ialah berhutang dan kalau ini dapat diambil alih oleh Lembaga, pihak penanam dapat mengambil ataupun membeli, berhutang daripada pihak Lembaga, ataupun daripada

satu badan yang tertentu, maka sudah tentu pihak penanam akan dapat mengelakkan daripada terkena membayar lebih, yang dikenakan oleh pihak pengusaha-pengusaha penanam tembakau ini.

Saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan agar perusahaan menanam tembakau sedikit-sebanyak dapat melegakan kesusahan orang-orang kampung di dalam saat kejatuhan harga getah sekarang ini. Dan ada setengah-setengah tempat sehingga ada orang-orang yang bekerja menoreh getah itu meninggalkan kerja menoreh getah, menumpukan kepada perusahaan penanaman tembakau yang memberi gambaran kepada kita bahawa perusahaan menanam tembakau ini lebih menguntungkan daripada bekerja menoreh getah. Dengan ini, saya merayu kepada pihak Kementerian ini supaya dapat berikhtiar untuk menambahkan pengusaha-pengusaha baharu ataupun quota-quota baharu kepada orang-orang yang baharu hendak mengusahakan atau pun baharu hendak membuat bund supaya dapat melibatkan diri dalam perusahaan tembakau ini agar dapat diberi pertolongan dengan memberi quota-quota yang baharu khasnya kepada Negeri Trengganu yang sekarang ini tidaklah begitu banyak kalau dibandingkan dengan Negeri Kelantan.

3.45 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Anggaran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Dan di sini ingin saya mohon bercakap di dalam bahasa Inggeris. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh tentang Kepala B. 19 dan P. 19. Saya merujuk kepada Kenyataan Menteri pada minggu yang lalu.

(*Dengan izin*) The Honourable Minister made an announcement which has had a cumulative effect on the rubber market. I congratulate the Minister, Tuan Pengerusi, because his announcement has come at a very crucial time as far as the smallholders in this country are concerned. I have many smallholders in my area who, prior to the Honourable Minister's announcement, had been feeling the effects of the fall in the price of natural rubber because many smallholders have their only source of income from the rubber estates and their livelihood depends solely on the price of rubber.

I also congratulate the Honourable Minister for having proposed concrete steps to improve the price of rubber, the effect of which is to curtail production and reduce the amount of natural rubber on the world market. Perhaps, the Honourable Minister might remember that pre-War we had a rubber quota system wherein estate owners were given coupons, and this had an effect of keeping up the price of rubber, which was virtually tantamount to a curtailment in the production of rubber. I think the Honourable Minister might have thought of this rubber quota system and, if the steps now taken by him do not have the desired effect, I propose that serious thought be given to the rubber quota system again.

Tuan Pengerusi, I also refer to rubber dealers in this country who have been performing a very useful service to the rubber industry for the last 70 years, ever since rubber was introduced into this country from Brazil. They have performed a very valuable service. They have advanced smallholders against future deliveries of rubber; they have even given them credit facilities beyond the monthly production of rubber from the estates, and these rubber dealers feel that one of the measures taken by the Ministry may affect their licence. I hope that when the Government and its agencies purchase rubber from the smallholders, they will take this into consideration. Also there is a fear among certain smallholders that if they deal with the Government agencies there may be red tape and to a man who has only \$50 or \$60 income per month or even lesser than that, this red tape may sometimes make him borrow money and thus he may have to pay interest to money-lenders to keep things going. I hope there will not be very much red tape where the purchase of rubber from the smallholders is concerned.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Pecahan-kepala 2, M.R.D.C., and I support the Honourable Member for Sepang. In the Ministry's Estimates for 1975 three kilang getah crumb are proposed and I consider these are not enough. I have had representations from my people in my kawasan whether there could be one more factory in my Parliamentary constituency. They say that the price that they obtain is low when the rubber is sent to the factory in Negri Sembilan, which is in Siliau, because they

have to pay for the cost of transport; and, since the area is quite far away from the kilang, they feel that, if there is one more factory near the Selangor border, that will serve most of the rubber smallholders in that area. I think that the provision in the Estimates for next year presented by the Honourable Minister is not sufficient. Perhaps he could look into the question of whether these kilang-kilang getah crumb are enough.

Tuan Pengerusi, I now refer to Pecahan-kepala 25, Pulp, Paper and Board Research. There is a pine tree nursery in my area, but I see that there is no provision for this in the Estimates for 1975. I hope the Honourable Minister will look into it, because if there are plans to use pine trees for pulp factories to produce paper, I think that is a very good project. In Canada, pine trees have been one of the main products used in the manufacture of paper, especially stationery. This would be useful to our country as we could cut down the import of stationery and paper and thus we can use that money that is used in the import of paper for other development purposes in this country.

As regards the Ministry's efforts to introduce replanting in Malaysia, Tuan Pengerusi—I am referring to Pecahan-kepala 1—I feel that there is not enough publicity whenever there is any new scheme for rubber replanting. There are some smallholders who are too ignorant, too illiterate, and they do not read the papers and thus they do not know that the Government has introduced the "Rancangan No. 3", and they do not make use of the opportunity to replant. I would appeal to the Honourable Minister to see that there is enough publicity. I know of certain rubber estates in my area which are about 40 to 50 years old and they think that rubber replanting assistance has been stopped some time in 1973 and that there is no more rubber replanting. I would suggest that more publicity be given on this matter.

Regarding replanting, in my experience, Tuan Pengerusi, certain smallholders, when they find that the land is not suitable for rubber because it is swampy or because it is low-lying, would like to replant with oil palm but because of the express condition in the Titles or the Grants—the condition is that it can be utilised only for rubber—they are unable to plant oil palm, and they find great

difficulty in applying for a change in that condition in the Titles. I would appeal to the Minister to liaise with the Ministry of Lands and Mines and see whether such a change could be done as quickly as possible in order to help the smallholders who find great difficulty in applying for a change in the condition in their Titles.

Tuan Pengerusi, last Thursday, the Honourable Member for Batu Gajah referred to the M.C.A. as only a figure-head in the Government. I would like to state that this Honourable Member, to my mind, is like many of his colleagues in this House speaking like an ostrich in the sand. Our M.C.A. stand on all matters regarding the Chinese community is well-known, and I would like to remind the Honourable Member for Batu Gajah that we are living in a country which is multi-racial and whenever we are working towards our objective, we must constantly bear this fact in mind. We all know that he is trying to make political capital out of this when there was a debate on the Estimates of another Ministry last Thursday.

Tuan Pengerusi: Your time is almost up.

Tuan Lee Boon Peng: That is all, Sir. Thank you.

3.55 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 1—Rancangan-rancangan Tanam Semula Getah. Sebelum saya memperkatakan dalam hal ini, saya suka mengucapkan terima kasih di atas langkah yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagi menaikkan harga getah di negara kita dan telahpun menunjukkan kejayaannya di mana sekarang ini boleh dapat dilihat bahawa harga getah telahpun meningkat sedikit demi sedikit. Dan ini mestilah dialu-alukan oleh Ahli-ahli Dewan dan juga oleh rakyat semua.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 1—Rancangan-rancangan Tanam Semula Getah. Sekarang ini kita nampak kejayaan-kejayaan telahpun dicapai. Apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah berkaitan dengan rancangan tanam semula secara berkelompok. Saya dapati tanaman semula secara perseorangan kurang mendatangkan kejayaan di

mana sebahagian daripada penanam-penanam semula itu tidak dapat mengawal-nya dan tidak mendapat membajai dengan baik dan akhirnya apakala besar pokok getah itu tidak menghasilkan susu yang banyak. Ini berpunca daripada penyeliaan yang kurang awas daripada kecil lagi. Saya nampak langkah mengadakan tanaman secara berkelompok adalah lebih baik dan lebih berguna, cuma sekarang ini saya nampak diberi kontrak kepada satu pihak untuk menjalankan tanam-tanaman itu. Saya cadangkan supaya Kementerian ini menubuhkan satu yunit khas untuk mengadakan rancangan tanam berkelompok di tiap-tiap satu kampung yang ada mempunyai 10 atau 20 orang yang mempunyai kebun getah yang hendak menanam semula perlu dikumpulkan dan diadakan rancangan berkelompok yang dikendalikan oleh yunit khas ini dan peruntukannya adalah hasil daripada peruntukan yang telah diberi di bawah Rancangan Tanam Semula Getah.

Yang kedua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (M.R.D.C.). Saya ingin menyatakan di Dewan ini bahawa kalau kita melihat di buku yang terbentang ini maka didapati bahawa ada banyak aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh M.R.D.C., cuma di sini saya ingin menyebutkan bahawa di kawasan saya Dungun saya minta supaya diadakan sebuah kilang M.R.D.C. untuk membeli hasil susu getah daripada pekebun-pekebun kecil.

Dalam hal ini juga, saya ingin meminta supaya cawangan untuk membeli getah keping diadakan juga di kawasan saya, kerana saya mendapat tahu rancangan pembelian getah serta-merta sekarang ini atau crash programme yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah harga getah ialah pihak Kementerian ini membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil. Di Trengganu saya dapat tahu iaitu di kawasan Dungun tidak diadakan. Saya sungguh dukacita kerana di situ tidak diadakan sama sedangkan di tempat-tempat lain ada dan pekebun-pekebun kecil di sana pun banyak juga. Jadi, saya meminta supaya hal ini diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Dalam perkara lain, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad, saya nampak peruntukan yang diberi tidak begitu banyak iaitu sebanyak \$1,411,950, saya rasa peruntukan ini perlu banyak sedikit, kerana pihak FIMA sekarang ini perlu menjalankan aktiviti-aktiviti yang sungguh-sungguh dengan sebab Badan ini adalah satu Badan yang perlu dimajukan bagi mengatasi masalah kehendak penanam-penanam di negara kita. Aktiviti-aktiviti yang saya nampak sekarang ialah menanam mempelam dan ada juga gajus ataupun janggus di setengah-setengah tempat. Saya berharap supaya rancangan ini segera dilaksanakan. Rancangan untuk mengadakan kilang gajus ataupun janggus ini belum didirikan lagi di Trengganu dan saya berharap supaya disegerakan rancangan itu.

Yang kedua ialah perlu Perbadanan ini mengadakan bidang lain. Setahu saya buah-buahan yang lain selain daripada buah mempelam boleh juga diproses untuk dijadikan makanan seperti buah durian belanda dan buah ciku. Buah ini boleh diproses airnya untuk dijadikan minuman. Saya rasa ini harus diambil perhatian supaya cabang makanan ini dapat diadakan lebih baik sedikit dan tanaman itu sesuai di negara kita.

Tuan Pengerusi, dalam perkara berbagai rancangan yang dijalankan oleh Kementerian ini, saya ingin mengambil perhatian tentang rancangan memajukan pemasaran kelapa. Saya ingin menyentuh masalah tanaman kelapa di negeri kita ini terbahagi kepada satu pihak sahaja iaitu di sebelah Selangor dan Perak, kerana di sini kita dapati tanaman kelapa mendatangkan hasil, tetapi di sebelah Trengganu, Pahang iaitu di sebelah pantai sedikit tidak mendatangkan hasil. Saya rasa perkara ini boleh diatasi oleh pihak Kementerian ini di masa yang akan datang. Setahu saya di negeri-negeri yang lain yang tanahnya pasir juga boleh subur dan mendatangkan hasil.

Baru-baru ini saya dapat melihat di satu negeri iaitu di Sri Lanka di mana tanahnya pasir seperti tanah kita juga, tetapi cara dia menjalankan rancangannya untuk menghasilkan buah kelapa, saya dapati buah-buah kelapanya banyak. Jadi tidak salah kalau pakar-pakar kita menjalankan usaha untuk

membanyakan hasil buah kelapa di tempat-tempat yang kurang subur. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak percaya apa yang saya kata, cubalah pergi ke Kelantan melalui Pahang dan Trengganu sampai di Kelantan kita boleh melihat di kiri-kanan jalan ada pokok-pokok kelapa, tetapi buahnya tidak ada. Saya rasa pihak Kementerian ini boleh bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dalam usaha yang berkenaan itu.

Perkara yang akhir sekali, saya ingin sebutkan iaitu berkait dengan usaha menanam lada hitam. Saya dapat tahu usaha ini sekarang ini boleh dikatakan tertumpu di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia boleh dikatakan hanya di Johor sahaja yang ada. Kalau kita memandang tentang harganya memang baik. Jadi amat baiklah pihak Kementerian ini berusaha supaya tanaman-tanaman ini diperluaskan di negeri-negeri lain, dan juga Kementerian ini membuat satu pandangan agar pekebun-pekebun kecil getah yang hendak menanam semula boleh ditanam dengan lada hitam ataupun cengek dengan dibantu oleh pihak Kementerian ini, dinasihat dan sebagainya bagi membanyakkan tanaman-tanaman tersebut di sebelah Semenanjung Malaysia.

4.05 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong belanjawan untuk Kementerian Perusahaan Utama dan saya suka menyentuh untuk Pecahan-kepala 21, Perhutanan.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, first of all, on behalf of the timber trade, particularly those who are engaged in the export trade, I would like to thank the Honourable Minister of Primary Industries for cancelling the 5% export tax on sawn timber as a way to help the ailing industry. However, the timber trade is generally in such a bad shape at the moment that, in my opinion, the Government would probably have to do more than just withdrawing the 5% export tax to bring life back to the industry. I would, therefore, propose to the Honourable Minister to give similar consideration to timber as he has done for rubber, that is, to stockpile the sawn timber. After all timber, if properly stored, can be kept much longer than rubber without having its technical properties altered. In addition to that, I would propose that trade

missions sponsored by the Government should visit oversea countries to look for new markets for our timber products.

But, Tuan Pengerusi, by far, the greatest obstacle to the trade is the freight rate. Timber, being a very bulky commodity, has to depend on sea transport in reaching its destination overseas. The timber export trade is, therefore, under the mercy of the Freight Conference. The Far Eastern Freight Conference increases its freight rates so fast and within such short intervals that such increases totally wipe out whatever benefits given by the Government or whatever steps the trade has taken to help itself. I would, therefore, appeal to the Government to take the matter up with the Far Eastern Freight Conference which is the arbitrary or even the dictatorial authority in deciding freight rates.

Tuan Pengerusi, under the same heading

Tuan Pengerusi: Saya hendak bertanya adakah timber termasuk di bawah Kementerian ini?

Tuan Au How Cheang: Ya, Tuan Pengerusi. Under the same heading, it is regretted that there is no allocation for rehabilitation and development programmes for the forest industry. Although the timber trade is facing recession at the moment, I think the Forest Department should look into the rehabilitation and conservation of our forest.

Datuk Musa Hitam: Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kayu-kayan iaitu timber adalah di bawah Kementerian saya, tetapi hutan itu ialah di bawah Kementerian Tanah dan Galian. Jadi tidak payahlah membuang masa lagi.

Tuan Pengerusi: Itulah yang saya keliru.

Datuk Musa Hitam: Berkenaan dengan kayu (timber) yang telah dipotong itu di bawah Kementerian saya, tetapi pokok itu di bawah Kementerian Tanah dan Galian (*Ketawa*).

Tuan Au How Cheong: Kalau begitu, saya duduklah.

4.10 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama membahaskan peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama dan apa yang saya hendak sentuh di sini iaitu mengenai dengan Kepala P. 19 Pecahan-kepala 4—Rancangan Penanaman Nenas.

Tuan Pengerusi, sebenarnya perkara ini adalah sangat-sangat menjadi harapan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk yang dahulunya dalam kawasan pilihanraya Pontian Utara dan sekarang sebahagian daripadanya dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas rancangan yang telahpun ditetapkan oleh Kementerian ini. Tetapi ada beberapa perkara yang penting yang patut saya sentuh untuk menjadi pandangan Kementerian berkenaan mengenai dengan penghasilan nenas. Saya percaya sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah semalam bahawa perkara yang penting dalam penanaman nenas ini bagaimana juga tanaman lain adalah mengenai dengan pemasaran.

Saya teringat semasa mula-mula Kilang Nenas Kebangsaan didirikan di Pulau Sebatang, saya nampak dan saya perhatikan bahawa penduduk-penduduk berebut-rebut menanam nenas, tetapi malangnya dengan sebab terlampau pesat, terlampau maju, terlampau banyak nenas sehingga kilang nenas tak dapat hendak menerima, hanya sebahagian sahaja dan sebahagian besar daripada nenas terbuang begitu sahaja dan ini melemahkan semangat penanam-penanam nenas di kawasan tersebut. Jadi apa yang saya ingin menitik beratkan di sini dalam hal ini bahawa oleh kerana Kementerian yang berkenaan telah mengeluarkan belanja yang saya rasa agak besar supaya perkara semacam ini saya harap menjadi perkara penting supaya apa yang saya katakan tadi, semangat penanam nenas khasnya di kawasan Selatan Negeri Johor tidaklah berulang seperti kejadian dua tiga tahun yang lalu.

Seperkara yang penting juga walaupun ini bukan di bawah Kementerian ini saya nampak masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam nenas tadi ialah masalah pengangkutan. Perkara ini penting. Saya

percaya Kementerian ini tidaklah sebagaimana saya katakan tadi menjaga berkenaan dengan pembinaan jalan terutama daripada ladang-ladang nenas yang kebanyakannya sekarang berjauhan daripada jalanraya, sekurang-kurangnya dapatlah penyalaraan ataupun Kementerian ini meminta kerjasama daripada Kementerian yang berkenaan supaya menyediakan jalan-jalan bagi mengangkut nenas tadi. Selalu kedapatan nenas-nenas yang sepatutnya satu hari sampai ke kilang kadang-kadang memakan masa dua tiga hari. Ini menyebabkan nenas busuk, rosak dan sebagainya yang mendatangkan kerugian besar. Ini juga menumpulkan semangat penanam nenas yang sentiasa menyahut seruan Kerajaan.

Soal kedua, walaupun saya telah diberitahu bahawa Kilang Nenas Tanah Melayu di Pulau Sebatang bukan lagi di bawah Kementerian ini, tetapi nampaknya dalam estimate ini ada tercatat dalam Pecahan-kepala 3. Sebenarnya penduduk di sana sangat-sangat menghargai kerana pihak yang berkenaan telah memilih kawasannya, dan apa yang saya katakan tadi Kilang Nenas Kebangsaan yang kedua di Pulau Sebatang, tetapi sejak akhir-akhir ini saya telahpun diminta oleh sebahagian besar penduduk di kawasan yang tersebut memandangkan bahawa perjalanan ataupun pentadbiran kilang nenas itu tidaklah begitu memuaskan dan mereka menganggap ini adalah kelemahan pihak pentadbiran kilang tersebut dan ini juga membayangkan kelemahan pihak Kerajaan sendiri. Jadi apa yang mereka harapkan supaya sekurang-kurangnya diadakan satu kajian ataupun sebuah Jawatankuasa ditubuhkan bagi meninjau kembali kedudukan Kilang Nenas Kebangsaan yang kedua di Pulau Sebatang itu, kerana mereka mengharapkan agar supaya kilang yang mereka harapkan dapat menampung nenas hasil titik peluh penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka juga menyebut mengenai dengan perusahaan kelapa. Perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah bahawa dengan turunnya harga getah barangkali menjadi satu perkara yang tidak payah saya terangkan di sini khasnya penduduk yang menjalankan perusahaan getah terutama pekebun kecil. Tetapi apa yang saya hendak terangkan mengenai harga kelapa kering yang beberapa bulan dahulu harganya \$70-\$80 sepikul

tetapi masa ini telah merosot separuh daripada harganya iaitu \$40-\$50 sahaja. Penduduk-penduduk dalam kawasan kelapa termasuklah dalam kawasan pilihanraya saya, berharap supaya Kerajaan menerusi Kementerian yang berkenaan mencari jalan supaya harga itu tidaklah terus menurun yang akan menimpa nasib pekebun-pekebun kelapa.

Saya telahpun menatap dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1975 muka surat 192, saya dapati apa yang tercatat dalam halaman tersebut bahawa eksport atau harga minyak adalah mengembirakan, begitu juga eksport kelapa kering. Tetapi apa yang saya nampak di sini, penambahan hasil kelapa kering daripada tahun 1972 dengan tahun 1973 hanya 3 tan sebulan lebih kurang 36 tan setahun. Ini saya nampak begitu kurang benar. Jadi, apa yang saya hendak tekankan di sini sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya dari Dungun tadi supaya pihak Kerajaan menjalankan usaha untuk meluaskan lagi kebun atau penanaman kelapa. Yang saya tahu selama ini apa yang dijalankan adalah usaha-usaha untuk menanam semula, tetapi usaha-usaha untuk meluaskan penanaman kelapa ini belum dijalankan oleh pihak yang berkenaan. Memandangkan harganya yang begitu baik, saya harap supaya usaha-usaha ke arah itu dapat dijalankan.

Menyentuh mengenai harga kelapa kering tadi, saya suka juga menyentuh di sini, walaupun harga kelapa kering turun separuh daripada harga dua tiga bulan yang lalu, tetapi apa yang dimusykilkan oleh penduduk-penduduk di kawasan penanam kelapa ini harga minyak kelapa tidak turun. Biasanya kalau harga padi naik, harga beras juga naik, sebaliknya sekarang harga minyak tak turun tetapi harga kelapa turun. Jadi itulah yang dimusykilkan oleh pekebun kelapa yang mereka harap supaya Kerajaan menerusi Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian sekurang-kurangnya dapatlah melegakan kehidupan mereka sebagai mana langkah-langkah yang telah dijalankan terhadap hasil-hasil tanaman yang lain.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya adalah menyokong sepenuhnya peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

4.20 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di bawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 1 dan 2 berkenaan dengan getah dalam negara kita ini.

Dalam membahaskan Ucapan Belanjawan dahulu saya telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberi perhatian istimewa kepada masalah kestabilan harga bahan-bahan eksport, terutama getah dan minyak kelapa sawit. Saya juga telah mencadangkan Commodity Agreement dan Buffer Stock Scheme untuk mencapai tujuan ini. Nampaknya pihak Kementerian Perusahaan Utama telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menstabilkan harga getah tetapi pihak Kerajaan masih membisu di dalam usaha-usaha untuk menstabilkan harga minyak kelapa sawit. Saya suka mengingatkan di sini bahawa masalah harga kelapa sawit ini juga satu masalah yang besar yang patut difikir secara serious. Kita tidak sepatutnya menunggu pengusaha-pengusaha kelapa sawit ini tunjuk perasaan beramai-ramai baru kita hendak mengambil sebarang tindakan yang perlu.

Sekarang saya suka menyentuh langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk mencapai kestabilan harga getah. Saya adalah menyokong penuh 6 langkah yang diumumkan yang pada akhirnya akan menuju kepada suatu sekim yang dikenali sebagai Sekim Stok Penimbal (Buffer Stock Scheme). Mengikut pendapat saya, ada 4 faktor utama yang boleh menolong menjayakan sekim atau rancangan ini.

Yang pertama, rancangan ini hendaklah difahami benar-benar dan diterima dengan sesungguhnya oleh semua pihak yang berkenaan, iaitu pihak pengeksport, pembungkus, syarikat-syarikat ladang, pekebun-pekebun kecil, peniaga-peniaga kecil getah tempatan dan buruh-buruh yang bekerja di ladang-ladang getah. Jika semua pihak ini menerima konsep atau rancangan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan serta menerima dengan rasa yang sungguh-sungguh terutama sekali pihak-pihak syarikat-syarikat ladang yang besar, pengeksport-pengeksport, peniaga-peniaga getah yang besar mestilah menerima hakikat ini bahawa sumbangan mereka adalah

sebagai suatu pengorbanan terhadap negara, sebagai tanggungjawab terhadap negara, saya rasa rancangan ini akan dapat berjaya dengan sepenuhnya.

Faktor yang kedua, ialah tidak ada sebarang penyelewengan di dalam perlaksanaan dasar ini di mana peringkat sekalipun samada kakitangan-kakitangan yang ditugaskan oleh Kementerian ini, samada badan-badan yang berkenaan, samada pihak-pihak persendirian mestilah bekerja memberi sumbangan secara jujur dan ikhlas, tidak ada sebarang penyelewengan atau penipuan, umpamanya jika pihak-pihak tertentu barangkali menerima arahan daripada pihak Kementerian ini supaya menyimpan sejumlah stok yang ditentukan, tetapi sebaliknya secara senyap-senyap mereka menyeludupkan bahan-bahan ini keluar negeri sehingga mengalir ke pasaran dunia. Ini akan menjejaskan usaha Kerajaan yang akan dilaksanakan ini.

Faktor yang ketiga, ialah kerjasama dengan sesungguhnya dari semua negara-negara pengeluar yang lain. Ini saya yakin dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama serta pemimpin-pemimpin kita yang lain kita akan mendapat kerjasama ini terutama sekali negeri-negeri pengeluaran getah serantau ataupun negeri-negeri yang termasuk di dalam golongan ASEAN dan ini tentulah bermacam-macam cara boleh dilaksanakan untuk mencapai kata sepakat seumpama ini.

Akhirnya faktor yang keempat, ialah penerimaan secara positif dari negara-negara pengguna sendiri. Ini saya rasa patutlah kita berhati-hati di dalam melaksanakan dasar ini supaya negara-negara pengguna tidak menerimanya secara negatif supaya tidak memaksa mereka lari kepada synthetic dan substitusi, sebab sebagaimana yang kita ketahui bahawa getah ini boleh diadakan getah tiruan dan boleh disubstitute dengan bahan-bahan lain. Jadi, kalau kita memaksa mereka dan kita tidak menjalankan secara bijaksana, secara halus boleh memaksa negara-negara pengguna lari kepada bahan-bahan tiruan dan bahan-bahan substitusi. Ini patut kita jaga. Dan sebaliknya kita tidaklah sepatutnya menyembah tunduk kepada negara-negara pengguna ini sehingga memberi peluang pula kepada mereka mempermainkan kita.

Saya rasa itulah mengikut pendapat saya, ada 4 faktor yang penting yang patut menjadi perhatian dan difikirkan di dalam usaha mencapai kestabilan harga getah, terutama dalam usaha mewujudkan Sekim Stok Penimbal ini.

4.25 ptg.

Tuan Jawan anak Empaling (Rajang): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I get up from my nice, cool and comfortable seat here in order to make it known to the House that I am in a position to support the Supply and the Development Estimates of 1975 for the Ministry of Primary Industries under Kepala B. 19 and P. 19 with the hope that this Ministry will be able to achieve its main objectives as beautifully written on pages 187 to 201 in the Anggaran Belanjawan, 1975.

Personally, I have great confidence on the officials of this Ministry and I hope that they will be able to fulfil their objectives in increasing our agricultural produce into full-scale production and to stabilise prices of these products. I am quite certain, Tuan Pengerusi, that this Ministry might have some planning or might have been in the process of planning to produce a nice image for our products in the overseas markets in order to promote their sales. At the same time I think the Ministry might have been in the process of establishing more sugar cane factories in this country. So, when the time comes for this Ministry to implement its objectives and transform these objectives from a working paper into a reality, I hope the Ministry will not only be thinking on the line of centralising the kind of factories in the City of Kuala Lumpur or at any other favourite city in this country. But any kind of factories which might be established in this country in future such as sugarcane factory and so on, when they reach the full-scale production, they should be decentralised, so that the majority of our Malaysians in every State can enjoy the maximum benefits from our development projects.

At this stage of the same, as I see, the helping hand of this Ministry has not yet been extended to Sarawak. So, I would appeal to the Ministry that a helping hand should be extended to Sarawak, so that the people in Sarawak, particularly the people who live in a ghetto area will get more benefit from the development projects carried out by this Ministry.

Tuan Pengerusi, although I am in a position to support the Bill and Development Estimate of 1975 for this Ministry and am convinced by the objectives of this Ministry, I would like to say something in connection with this Bill and the Development Estimates. In saying this I am not criticising what this Ministry has undertaken to do in implementing its development projects. But I wish to indicate to the House my feeling and my observations in regard to this Ministry. I feel that this Ministry has been snowing under with the working papers that might have been accumulated day by day, and it has failed to transform its objectives into reality and in speeding up the national economy from a low level to a full production stage of our economic development.

Tuan Pengerusi, I also realise it is not an easy job to speed up this kind of projects as mentioned in the Anggaran Belanjawan on pages 187 onwards. But if this Ministry is not able to achieve its objective or is not able to transform its objective into a reality by the next four, five or six years' time then it should re-examine and review its conservative and traditional bureaucratic approach in implementing its objectives. I am quite happy to note that this Ministry has adopted a new approach, an action-oriented approach, so that it can do better in the future. But it should not implement the projects for people in certain States only but for all those in each and every State of Malaysia. This is how I hope, Tuan Pengerusi, this Ministry will be able to give a great credentials and a status to our country of Malaysia as a fruit, rubber, lada, tin and cocoa producing country and I am quite certain that the credit will also go to this Ministry if it is able to stabilise the prices of these commodities in future. Thank you very much.

Datuk Musa Hitam: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian di dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian saya pada hari ini.

Nampaknya ada beberapa perkara yang tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali di dalam soal bahan-bahan utama seperti getah, nenas, tembakau, kelapa sawit, kayu-kayan dan juga lada hitam. Saya tidak bercadang

hendak menjawab tiap-tiap satu daripada perkara yang telah dibangkitkan itu, malahan menyentuh perkara-perkara yang saya fikir penting harus dibawa kepengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Soal yang pertama, saya suka menyentuh ialah soal langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dahulu berhubung dengan kestabilan harga getah, oleh sebab dua orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyentuh soal ini dan membuat pandangan-pandangan mereka berasaskan kepada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan baru-baru ini.

Saya tidak bercadang hendak menjawab satu-persatu oleh sebab pada masa ini kita sedang di dalam peringkat implimentasi dan tidaklah harus saya membuat apa-apa juga kenyataan yang akan mengakibatkan buruk dalam pasaran yang begitu baik setakat ini, malahan menyatakan kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu bahawa pihak Kerajaan memang telah bersetuju di atas langkah-langkah yang perlu yang telah disebutkan oleh kedua-dua Yang Berhormat itu. Boleh dikatakan semua hujah-hujah yang telah diperbuat oleh mereka itu saya suka menegaskan bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan melaksanakan rancangan menstabilkan harga getah ini mengikut apa yang telah saya bentangkan di dalam ucapan saya di dalam Dewan ini tidak berapa lama dahulu, dan di dalam kenyataan-kenyataan yang berlanjutan yang telah dibuat oleh Kerajaan dari semasa ke masa pada masa-masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, di dalam soal getah pada keseluruhannya saya merasa hairan sedikit bahawa di dalam banyak-banyak Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membawakan soal kedudukan peniaga-peniaga getah (rubber dealers) di dalam negara ini. Saya kata begitu oleh sebab selalunya parti-nya tidak begitu sukakan rubber dealers, tetapi hari ini agaknya "out of sheer political opportunism" dia telah mengambil kesempatan menchampionkan kedudukan mereka ini. Di dalam hal ini saya suka menegaskan bahawa kedudukan penjual-penjual dan pembeli-pembeli getah (rubber dealers) di

kampung-kampung tidaklah harus dipersoalkan oleh sebab apa yang sedang dibuat oleh Kerajaan ini pada masa ini ialah semata-mata untuk memberi harga yang berpatutan kepada pekebun-pekebun kecil. Cuma mereka yang mengambil kesempatan untuk mengikat ataupun memikat pekebun-pekebun kecil di peringkat kampung sahaja dengan secara unscrupulous yang harus takut atas langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan ini. Kalau kita dapat di mana-mana tempat penjual-pembeli getah ini dapat membeli getah dari orang kampung dengan harga yang lebih daripada apa yang boleh dibeli oleh Kerajaan, maka kita akan dengan senang hati memberi kesempatan kepada mereka membelinya dan kita telahpun nampak sebagaimana akibat persaingan di antara exercise yang dibuat oleh Kerajaan dengan pembelian yang dijalankan oleh penjual-penjual getah ini telahpun mengakibatkan harganya lebih baik kepada pekebun-pekebun kecil di peringkat kampung.

Soal yang kedua yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Ahli Yang Berhormat dari Sepang, Ahli Yang Berhormat dari Dungun, Ahli Yang Berhormat dari Mantin dan lain-lain ialah soal kilang yang didirikan oleh MARDEC (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia). Saya suka menghuraikan di sini bahawa pada keseluruhannya memang menjadi dasar Kerajaan untuk mendirikan kilang-kilang ini dengan seberapa banyak yang boleh mengikut masa dan kebolehan ataupun keupayaan Kerajaan pada keseluruhannya. Saya suka menyatakan bahawa 3 buah kilang yang disebutkan itu ialah kilang-kilang yang dicadangkan untuk dibina dalam tahun 1975 sahaja. Masa sekarang MARDEC telahpun menjalankan 13 buah kilang. Selain daripada itu 4 buah lagi akan mula dijalankan pada tahun 1975 iaitu kalau dikira ialah lebih kurang sebenarnya 17 buah kilang semua sekali akan dapat dilaksanakan (commissioned) pada penghujung tahun 1975. Pembinaan-pembinaan kilang lain akan dipertimbangkan dari semasa ke masa dan terpuulanglah kepada kebolehan kita pada keseluruhannya atas sebagaimana kita dapat memastikan kehendak tiap-tiap kawasan yang berkenaan.

Soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar berkenaan dengan gred dan mutu getah ialah satu soal yang sentiasa dipastikan oleh Kerajaan sendiri. Oleh sebab itu, kita telah memberi tanggungjawab kepada pihak RISDA dan MARDEC sendiri untuk memastikan bahawa gred getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil di seluruh negara ini akan dapat diperbaiki supaya harga daripada usaha mereka ini juga akan dapat diperbaiki lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan soal getah dan bagaimana kedudukan pekerja-pekerja ataupun penoreh-penoreh getah di estet. Saya suka menyatakan di sini bahawa soal pelaksanaan rancangan menstabilkan harga getah pada masa ini tidak melibatkan pembuangan pekerja-pekerja daripada estet, malahan kita telahpun dapat persetujuan daripada Persatuan Pekerja-pekerja Ladang negara kita (NUPW) sendiri, setelah kita menghuraikan cara-cara langkah yang sedang kita ambil sekarang ini. Tidak payahlah soal ini ditakut-takutkan ataupun Ahli Yang Berhormat serta sesiapa juga berasa bimbang oleh sebab kita telah menggesa memberi kerja yang lain kepada pekerja-pekerja yang terlibat di dalam rancangan kita untuk mengurangkan hari bekerja di kalangan pekerja-pekerja pada keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga telah menyatakan soal harga getah yang cuma disebutkan berasas kepada timbangan kilo. Sebenarnya saya fikir kedudukan ini tidak perlu lagi oleh sebab kita telah mendapat persetujuan daripada pihak-pihak yang berkenaan, daripada radio, TV dan surat-khabar supaya harga yang disebutkan oleh Kerajaan ialah harga kilo di samping harga kati juga diberikan untuk panduan rakyat jelata.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mengatakan bagaimana pekebun-pekebun kecil berasa agak teragak-agak apabila mereka hendak menjalankan rancangan tanaman semula, tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan memang sedar bahawa sekiranya seseorang pekebun kecil itu terpaksa menebang pokoknya tentulah ada cara-cara mata pencarian yang lain yang harus didapati. Maka itulah sebabnya pihak RISDA telah mengadakan rancangan tanaman cash crop yang berbagai

cara tanaman mengikut sesuai tanah masing-masing supaya sementara menunggu getah baharu yang ditanam itu maka pekebun-pekebun kecil akan dapat menampung kehidupan mereka sehari-hari.

Dari segi penggantian tanaman kacang penutup bumi dengan padi yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu, saya suka menyatakan bahawa tanaman ganti apabila kita menanam semula berasaskan kepada sesuainya tanah yang berkenaan. Kalaulah padi ini difikirkan sesuai dan padi akan memberi pendapatan yang lebih kepada pekebun-pekebun kecil, saya fikir tentulah tanaman itu akan digalakkan, tetapi setahu saya setakat ini soal tersebut belum dapat dipastikan lagi malahan tanaman-tanaman yang lain yang telah dapat ditentukan.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Seremban bahawa sekiranya ada benar-benar sesuatu kejadian yang disebutkannya di kalangan pegawai-pegawai RISDA yang meminta duit dan sebagainya dan apa-apa juga langkah yang telah diambil oleh sesiapa juga pegawai di dalam Kementerian saya yang tidak diingini tolonglah sampaikan laporan ini samada kepada Polis ataupun kepada pihak saya sendiri. Saya suka menegaskan di sini bahawa saya tidak akan menerima apa juga tohmah (allegation) kepada seseorang pegawai saya melainkan saya puashati bahawa mereka yang ditohmahkan itu betul-betul telah membuat apa-apa juga yang telah disebutkan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu tadi. Saya suka menegaskan di sini bahawa dari segi saya, saya tentulah tidak akan tersipu-sipu lagi, tidak akan teragak-agak lagi mengambil tindakan kepada sesiapa juga pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya yang dapat dipastikan, yang telah mengambil kesempatan menjadikan pekebun-pekebun kecil, terutama sekali sebagai mangsa daripada rancangan-rancangan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menyatakan bagaimana Persatuan Pekebun-pekebun Kecil nampaknya telah tidak digunakan oleh Kerajaan selama ini. Saya suka menyatakan bahawa kedudukan pekebun-pekebun kecil pada masa ini ialah bahawa kebanyakan daripada mereka belum lagi dapat menjadi ahli persatuan ini, malahan

ada lebih daripada satu persatuan dan langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan supaya memujuk sekalian pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat bersatu-padu, dan dapatlah kita menyalurkan suara mereka supaya Kerajaan dapat mengetahui apa juga hasrat dan kebimbangan mereka serta sokongan daripada mereka di atas apa juga rancangan-rancangan yang sedang diambil oleh Kerajaan.

Di sini saya suka menyatakan bahawa sebenarnya pekebun-pekebun kecil dan persatuannya telahpun setakat ini dapat duduk mewakili diri mereka di dalam kumpulan pengeluaran-pengeluaran getah di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin telah menyebutkan beberapa soal yang saya fikir tak payahlah saya sebutkan, cuma saya suka menyatakan bahawa beberapa soal yang telah dibangkitkan oleh beliau sendiri selain daripada soal penjual getah (rubber dealers) dan kilang ialah soal-soal berkaitan dengan Kementerian lain yang saya harap akan dapat diberi perhatian oleh beliau sendiri apabila tiba masa untuk dibahaskan perkara-perkara yang berkenaan itu.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan sedikit-sebanyak berhubung dengan beberapa perkara yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat berhubung dengan soal tembakau. Pada keseluruhannya, saya suka menyatakan bahawa kedudukan tembakau di dalam negara kita ini ialah satu industri yang baharu dan pihak Kerajaan sendiri belum lagi ada begitu banyak pengalaman untuk memastikan soal-soal yang berkaitan dengannya, terutama sekali dari segi soal grade dan juga soal penggunaan tembakau.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebutkan kemungkinan kita mengeluarkan cerut, tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa setahu saya setakat ini tembakau yang ditanam di dalam negara kita ini tidak boleh dibuat cerut melainkan dihadkan kepada membuat rokok sahaja, iaitu jenis tembakau yang ditanam oleh kita ialah dikenal sebagai Virginia type dan bukan cerut type yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu. Kalau boleh beliau sendiri mula menanam cerut type of tobacco di dalam kawasan Kangar, agaknya sebagai seorang memulakan kemajuan ini

harus barangkali dapat Kerajaan mempastikan samada indastri ini dapat dikemukakan di dalam negara kita.

Dari segi grade pula saya suka menyatakan bahawa memanglah menjadi satu soal yang dihadapi oleh kita oleh sebab pada masa ini kita bergantung semata-mata kepada pihak indastri dan mereka yang ada pengalaman. Saya dapat tahu bahawa soal grade ini ialah satu soal yang rumit, tidak dapat dipastikan oleh sebab seseorang dapat mempastikan grade tembakau itu dengan melihat dan merasanya dan dengan timbangan. Terpulanglah kepada pihak Lembaga sendiri untuk mengadakan rancangan supaya kita dapat melatih pegawai-pegawai baharu supaya mereka sendiri akan dapat mempastikan semua grade tembakau di dalam negara kita ini dan ini sedang pun dilaksanakan oleh Lembaga Tembakau sendiri dan akan dapat berhasil cuma berasas kepada jangka masa yang agaknya panjang, oleh sebab ini memakan masa dari segi pengalaman dan sebagainya dan kita harus melatih pegawai-pegawai ini dari semasa ke semasa dan kita ada mempunyai rancangan yang sedang dilaksanakan oleh pihak Lembaga sendiri.

Saya tidaklah hendak menyebut soal tembakau ini bagaimana harus digantikan pula dengan tanaman-tanaman lain seperti kacang tanah dan ubi kayu seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Ini oleh sebab kalau keluar daripada tembakau, saya fikir tanggungjawab saya tidak mahulah saya hendak pergi tanam kacang atau tanam ubi kayu. Ini terpulanglah kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar pula mempastikan tanggungjawabnya. Tanggungjawab saya ini nampaknya tegas dan dapat dipastikan bila keluar daripada itu, saya tidak mahu sentuh, saya pulangkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk menimbangkannya. Tetapi dari segi baja yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ini, haruslah kita sedar bahawa soal ini ialah satu soal yang rumit yang sedang dihadapi oleh Kerajaan, oleh sebab saya dapat tahu bahawa baja yang digunakan untuk tembakau ini ialah satu baja yang istimewa, yang tidak boleh digunakan kepada tanaman-tanaman lain.

Kerajaan memang sedar atas kedudukan ini pada keseluruhannya dan kita sedang mengkaji cara-cara untuk memperbaiki ke-

dudukan pembelian dan harga baja ini, dan kemungkinan seperti Lembaga sendiri menjual-beli baja juga sedang ditimbangkan asalkan kita dapat mempastikan bahawa penanaman tembakau dan kenaikan harga baja tidak mengakibatkan buruk kepada indastri ini pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan soal nenas pada keseluruhannya yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat. Pada amnya, saya suka menyatakan bahawa soal nenas ini ialah satu soal yang berkaitan dengan pasaran dunia. Kita terpaksa menerima sebagai faktor bahawa pasaran nenas di dunia ini semakin lama semakin rumit dihadapi oleh Kerajaan dan pihak Kerajaan sedang berusaha sedaya-upaya mendapatkan pasaran nenas yang lebih luas lagi ataupun berbeza daripada pasaran asal dahulu di mana kita bergantung kepada pasaran di United Kingdom ataupun di Great Britain sahaja, dan negara-negara lain cuma memainkan peranan yang begitu kecil dari segi penjualan nenas. Soal ini ialah satu soal luas dan saya suka menyatakan di sini bahawa dari segi Kerajaan pada keseluruhannya akan cuba mempastikan dengan sedaya upaya supaya penanam-penanam nenas dan pekerja-pekerja di dalam kilang nenas seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat itu akan dapat dilindungi supaya kedudukan dan kehidupan mereka ini tidak begitu buruk akibat daripada pasaran yang buruk pada masa sekarang ini.

Di dalam soal Kilang Nenas Tanah Melayu atau PCM yang kedua di Pulau Sebatang ini, saya sukalah menyatakan bahawa pada masa ini musim nenas berkurangan maknanya nenas kurang berbuah. Kita sedang mengambil kesempatan untuk memperbaiki dan memeriksa kilang ini dan sebagai sementara kita tidak pula ada rancangan hendak membuang pekerja-pekerja daripada kilang itu. Dari segi pentadbiran PCM juga, iaitu pihak yang berkenaan mentadbirkan kilang nenas, saya suka menyatakan bahawa memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk memperbaiki pentadbirannya pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada perkara-perkara yang saya fikir penting yang harus saya bawa di sini, cuma saya suka menutup ucapan saya ini dengan menegaskan satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Rajang, iaitu dari segi objektif Kementerian saya ini. Saya suka menyatakan objektif kita ialah terang seperti tertera di dalam buku-buku Anggaran Belanjawan ini dan pihak-pihak Kementerian saya akan sedaya-upaya menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mencapai objektif ini.

Dari segi penstabilan harga getah, saya memang sedar dan rasa sangat sukacita apabila mendengar pujian-pujian yang telah dibuat oleh tiap-tiap seorang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berdiri tadi, tetapi saya fikir yang penting di sini bukanlah kerana harga getah itu telah naik, tetapi yang penting di sini ialah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan. Saya sendiri percaya bahawa kita puas hati dan pihak Kerajaan juga puas hati bahawa langkah-langkah yang telah kita ambil setakat ini berhubung dengan langkah-langkah menstabilkan harga getah ialah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang akan dikirakan sebagai langkah yang habis-habis berkesan. Kalau misalnya, kita telah mengambil langkah-langkah ini dan tidak pula dapat mencapai kejayaan, insya Allah, kita akan mengkaji kemungkinan mengambil langkah-langkah yang lain. Dari segi Kerajaan kita senentiasa akan cuba sedaya-upaya mengkaji dengan sedalam-dalamnya apa-apa juga soal yang sedang dihadapi oleh Kerajaan.

Saya suka juga menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut bahawa kita tidak mengambil langkah dan tidak mengisytiharkan langkah-langkah menstabilkan harga getah hasil daripada tunjuk perasaan rakyat. Kita telah mengkaji soal ini sebelum soal tunjuk perasaan telah bangkit. Jadi kita tidak mengambil langkah tergesa-gesa seperti mana Ahli Yang Berhormat sendiri tentulah sedia maklum, hasil daripada detail-detail yang telah diberikan oleh kita sendiri berhubung dengan perkara ini.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,002,300 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$29,504,036 untuk Kepala P. 19 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian

mengemukakan anggaran di bawah Kementerian saya, saya hendak memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan akan berangkat ke Mekah kerana mengiringi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak lama lagi. Jadi, Yang Berhormat Menteri minta supaya perbincangan atas Kementerian saya disegerakan dan saya telah bersetuju Dewan akan membahaskan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan selepas daripada kita membincangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Harap maklum dan ambil ingatan.

Kepala B. 20 (Jadual)—

Kepala P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1975)

5.00 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan, 1975 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah sebanyak \$34,610,147.00. Dari jumlah ini \$26,680,050 adalah Anggaran Mengurus dan \$7,930,097.00 adalah Anggaran Pembangunan masing-masing di bawah Kepala Bekalan 20 dan Kepala Pembangunan 20.

Tuan Pengerusi, tugas-tugas utama yang dititikberatkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah memajukan lagi perkembangan sektor perdagangan dan perindustrian untuk tujuan menambatkan kekayaan negara, menggalakkan penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, mengawasi bekalan, harga dan pengedaran barang-barang keperluan di samping menjaga kepentingan pengguna-pengguna (consumers).

Menyentuh tentang sektor perdagangan, kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha adalah ditumpukan ke arah perkembangan perdagangan di dalam dan juga di luar negeri. Berhubung dengan ini kawalan-kawalan yang tertentu adalah mustahak supaya perdagangan dapat dikendalikan dengan teratur. Untuk tujuan ini Kementerian saya mengenakan kawalan impot dan juga eksport.

Di sini suka saya jelaskan sebab-sebab mengapa kawalan ke atas impot/ekspot dikenakan. Sebab yang terpenting mengapa sekatan impot dikenakan ialah untuk melindungi pengilang-pengilang (manufacturers) tempatan bagi menghadapi persaingan (competition) dari pengilang-pengilang luar negeri. Jawatankuasa Khas Bertindak Mengenai Tariff (Special Action Committee on Tariff) sentiasa mengkaji perlindungan tariff yang harus diberi kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk membolehkan mereka berdiri di atas kaki sendiri. Perlu diingatkan di sini bahawa kawalan impot yang dikenakan itu bagi melindungi industri tempatan adalah untuk sementara sahaja. Perlindungan itu akan dibatalkan sebaik-baik sahaja sesebuah industri itu menjadi kukuh dan maju. Kawalan ekspot pula dikenakan untuk menentukan supaya keperluan dalam negeri (domestic needs) dapat dipenuhi.

Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian yang berat di atas kekurangan beberapa jenis barang-barang keperluan dan di atas kestabilan harga barang-barang itu. Beberapa langkah yang positif telah diambil untuk mengatasi kekurangan barang-barang dan untuk menstabilkan harga barang-barang yang dimaksudkan itu. Manakala bekalan sesuatu barang itu didapati berkurangan, langkah-langkah untuk menambah sumber pengeluaran barang-barang itu akan diambil. Kebenaran akan diberi kepada pengilang-pengilang yang sedia ada untuk menambah pengeluaran mereka dan jika perlu, perusahaan baru dibenarkan. Misalnya untuk mengatasi kekurangan simen, kelulusan telah diberi kepada kilang-kilang simen yang sedia ada untuk menjalankan rancangan pembesaran (expansion programme) dan kelulusan telah juga diberi kepada pelabur-pelabur untuk mendirikan kilang-kilang baru.

Walau bagaimanapun, perkembangan perusahaan adalah langkah jangka panjang. Langkah jangka pendek untuk mengatasi kekurangan ini perlu diambil. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengurangkan atau membatalkan duti impot ke atas beberapa jenis barang. Misalnya duti impot ke atas batang-batang besi telah dihapuskan mulai dari bulan November 1973. Duti impot ke atas simen telah diturunkan dari \$12 kepada \$2 bagi satu tan. Tindakan yang sama telah juga diambil ke atas pengimpotan barang-barang makanan.

Untuk tujuan menstabilkan harga barang-barang, semua barang-barang perkilangan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan samada bertaraf perintis atau tidak yang didirikan sejak tahun 1971 yang mana kelulusan telah diberi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kebenaran Kementerian ini mestilah diperolehi terlebih dahulu sebelum harga barang-barang tersebut dinaikkan. Ini telah dapat mengelakkan kenaikan harga yang tidak berpatutan. Kawalan harga telah juga dikenakan terhadap barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Setakat ini 17 jenis barang telah dikenakan kawalan.

Pengeluar-pengeluar barang-barang kawalan ini mesti mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jika mereka hendak menaikkan harga barang-barang tersebut. Kajian yang teliti adalah dibuat oleh Jawatankuasa Kajian Harga yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Perbendaharaan Malaysia, Bahagian Perancang Ekonomi, Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan serta seorang wakil dari Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Kenaikan harga tidak dipersetujui dengan sewenang-wenangnya. Kenaikan harga akan hanya dipersetujui apabila satu-satu perusahaan itu mengalami kos pengeluaran yang tinggi dan akan menghadapi kerugian jika harga jualan barang keluarannya ini tidak diselaraskan dengan kos pengeluaran.

Daripada 17 jenis barang-barang kawalan itu, 5 jenis telah dikenakan lesen. Tujuan tindakan perlesenan ini ialah untuk mencegah peniaga-peniaga dan pengilang-pengilang dari menyorok dan menyimpan barang-barang berlebihan. Dengan adanya tindakan yang demikian sistem pengedaran sentiasa dapat diawasi dan kegiatan penyorokan barang-barang sentiasa kita dapat kawali.

Kempen Anti-Sorok secara teratur telah dimulakan pada 1hb Mac, 1974. Tujuan kempen ini, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum ialah untuk mencegah penyorokan barang-barang dan perniagaan yang tidak sihat. Kempen ini ditujukan terhadap peniaga-peniaga yang bertujuan membuat keuntungan berlebihan. Sejak pelancarannya sehingga hujung bulan

November, 1974, 7,958 pemeriksaan menjut telah dibuat. Dari jumlah itu sebanyak 28 kes telah didapati melakukan kesalahan penyorokan dan telahpun dihadapkan ke mahkamah. 20 kes lagi yang di syaki melakukan kesalahan penyorokan masih lagi di dalam penyiasatan. Tahun hadapan kempen ini akan diperhebatkan lagi. Bilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa akan ditambah. Pindaan-pindaan yang tertentu kepada Akta Kawalan Bekalan, 1961 dan Akta Kawalan Harga, 1946 sedang dibuat guna memperkemaskan lagi undang-undang tersebut.

Kerajaan sedar bahawa pengguna-pengguna perlu diberi perlindungan. Untuk tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Pelindungan Pengguna-pengguna Kebangsaan yang diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Majlis ini yang ditubuhkan mengikut Akta Kawalan Harga (Pindaan) 1974 telah dilancarkan dengan rasminya pada 14-7-73. Ianya dianggotai oleh wakil-wakil Gabungan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia, Kesatuan Pekerja, Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia Gabungan Dewan Perniagaan Kebangsaan, juga Jabatan-jabatan Kerajaan dan orang-orang perseorangan.

Peranan Majlis ini ialah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah yang harus diambil bagi mengawasi bekalan dan harga barang-barang iaitu:

- (a) Memberi nasihat samada perlunya atau tidak mengisytiharkan sesuatu barang di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 dari masa ke semasa;
- (b) Memberi nasihat samada perlunya atau tidak mengadakan simpanan negara (stockpile) bagi sesuatu barang keperluan;
- (c) Memberi nasihat samada perlunya atau tidak mengenakan tanda harga;
- (d) Menjalankan kajian dan penilaian ke atas cara-cara perdagangan termasuk saluran pembahagian untuk mengelakkan kemungkinan pengilang-pengilang, pengimpot-pengimpot dan pemborong-pemborong membuat keuntungan yang berlebihan; dan
- (e) Menjalankan kajian ke atas aliran harga (price trends) dan juga bekalan.

Di dalam jangka masa yang begitu singkat, sukalah saya sebutkan di sini iaitu Majlis ini telah memainkan peranannya dengan memuaskan.

Ekonomi negara kita adalah bercorak "export oriented" dengan sektor eksport menyumbangkan tidak kurang daripada 40% tiap-tiap tahun kepada hasil kasar negara (G.N.P.). Kemajuan ekonomi Malaysia boleh dikatakan banyak bergantung kepada kejayaan sektor eksport ini.

Dengan yang demikian, Perdagangan dan Perindustrian adalah sentiasa menitik-beratkan perdagangan antarabangsa. Usaha-usaha serta aktiviti-aktiviti ke arah menambah dan memperhebatkan eksport akan dipergiatkan lagi. Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan termasuk penyertaan di dalam pertunjukan perdagangan antarabangsa, menghantar rombongan-rombongan perdagangan di seberang laut, dan menambahkan bilangan pejabat-pejabat perdagangan di seberang laut. Di masa-masa lepas aktiviti-aktiviti galakan eksport yang telah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menunjukkan hasil-hasil yang berkesan. Contoh yang baru ialah lawatan rombongan perdagangan ke Asia Barat yang telah dapat memperkenalkan hasil keluaran Malaysia ke pasaran Asia Barat. Rombongan ini telah berjaya menghasilkan perniagaan yang bernilai sebanyak \$17.8 juta dan angka ini dijangka bertambah sebanyak \$801.4 juta setahun di masa-masa akan datang. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan juga mengambil tindakan menambahkan bilangan penyertaan di pameran-pameran serta pertunjukkan perdagangan di seberang laut di masa yang akan datang.

Untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan melibatkan diri di pasaran dunia yang persaingan (competitive), Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengadakan insentif eksport (export incentives) yang lebih menarik melalui pindaan kepada Akta Insentif Pelaburan, 1968.

Selain daripada itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga mengadakan khidmat nasihat kepada pengeksport-pengeksport termasuk pengeksport bumiputra melalui seminar, majlis dialog di mana penerangan mengenai pasaran seberang laut disebarkan. Kajian pasaran dan kajian

barangan sentiasa dijalankan oleh pejabat-pejabat perdagangan di seberang laut dan hasil kajian ini diedarkan kepada pengespot-pengekspot ataupun bakal pengespot tempatan untuk pengetahuan mereka. Ini bertujuan untuk mengenalkan pengespot-pengekspot kita kepada pengimpot-pengimpot atau peniaga-peniaga di luar negeri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di sini sukalah saya menekankan iaitu pihak-pihak swasta janganlah semata-mata bergantung kepada Kerajaan untuk mengujudkan peluang-peluang di bidang perdagangan dan perindustrian di pasaran dunia. Tetapi perlulah mereka juga mengambil inisiatif melibatkan usaha-usaha mereka sendiri untuk mencari peluang-peluang di bidang-bidang ini sebagaimana yang dilakukan oleh pihak swasta di negara-negara yang maju seumpama negeri Jepun dan juga di negara-negara yang sedang membangun. Kerajaan hanya boleh membuka jalan mengujudkan peluang-peluang ini dengan menubuhkan Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di negara-negara di mana difikirkan perlu diadakan pejabat-pejabat tersebut dan juga menghantar rombongan-rombongan perdagangan secara resmi ke negara-negara yang boleh menghasilkan hubungan yang erat dan menguntungkan kepada negara kita. Saya rasa tanggungjawab pihak swasta adalah sama beratnya dengan tanggungjawab Kerajaan. Pihak swasta mestilah mengambil tindakan "follow-up" dengan lebih intensif lagi untuk mencari dan mengeksploitasi peluang-peluang ini selepas sahaja jalan dibuka oleh pihak Kerajaan.

Galakan eksport dan pemberian berbagai-bagai insentif sahaja tidaklah mencukupi sekiranya kesanggupan pemasaran yang cukup tidak disediakan. Di atas kesedaran inilah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengorak langkah mengadakan perundingan-perundingan perdagangan (trade negotiations) samada yang bercorak "bilateral" mahupun "multilateral" dan Perjanjian-perjanjian Perdagangan dengan negara-negara yang difikirkan sanggup menampung kehendak-kehendak pemasaran eksport Malaysia yang begitu pesat berkembang. Di dalam tahun 1974 sahaja Perundingan-perundingan Perdagangan telah diadakan dengan Kerajaan Republik Rakyat Jerman, Republik Demokratik Rakyat Korea

dan Bangladesh dan hasil-hasil rundingan-rundingan tersebut dijangka selesai dan diketahui menjelang awal tahun 1975. Sebagai tambahan, tindakan-tindakan telah diambil untuk mengkaji dan merunding semula perjanjian perdagangan kita dengan Australia dan New Zealand bagi mengatasi masalah pertukaran bentuk dan komposisi perdagangan Malaysia dengan negara-negara itu. Usaha-usaha ini dijangka selesai pada penghujung tahun 1974 ini. Dalam pada itu, kajian-kajian yang sama juga sedang dibuat bagi merunding semula perjanjian perdagangan dengan beberapa negara-negara lain termasuk Jepun dan kemungkinan mengadakan perjanjian perdagangan dengan negara-negara di Asia Barat. Perlu juga dijelaskan di sini iaitu selain daripada Australia dan New Zealand, Perjanjian-perjanjian Perdagangan yang telah dibuat adalah didasarkan ke atas konsep "most-favoured-nation".

Konsep "most-favoured-nation" ini berasaskan kepada pemberian layanan yang sama kepada semua negara yang berdagang dengan Malaysia. Ini bermakna negara-negara yang berkenaan akan memberi layanan yang tidak kurang faedahnya dari yang diberi ke pihak yang ketiga. Layanan yang diberi ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) cukai kastam dan lain-lain bayaran yang dikenakan ke atas pengimpotan/pengekspotan barang-barang;
- (b) peraturan-peraturan dan "formalities" berkaitan dengan kelulusan kastam (customs clearance);
- (c) cukai-cukai atau lain-lain bayaran dalam negeri (internal taxes or charges);
- (d) pengeluaran lesen impot/eksport.

Di dalam usaha Kerajaan bagi mengembangkan perdagangan luar negeri ini, kemudahan-kemudahan perkapalan adalah di antara perkara-perkara penting yang sentiasa dititikberatkan dan diawasi oleh pihak Kerajaan. Kementerian saya sedar tentang masaalah tambang perkapalan yang makin tinggi dan tidak stabil terutama sekali sejak meletusnya krisis tenaga dunia dan di atas kesedaran inilah maka Yunit Kajian Perkapalan dan Tambang di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah melipatgandakan lagi kajian-kajian bagaimana mendapatkan perkhidmatan perkapalan

dengan kadar tambang yang memuaskan untuk perdagangan luar kita. Bantuan-bantuan yang berbagai corak telah diberikan oleh Yunit ini kepada Majlis Penggunakapal Kebangsaan (National Shippers' Council) yang bertujuan menyatukan pengeksploitasi-pengeksploitasi dan pengguna-pengguna kapal bagi memperolehi perkhidmatan perkapalan yang lebih baik dengan kadar tambang yang berpatutan. Di dalam konteks ini, peranan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) akan diperluaskan lagi untuk mengangkut bahan-bahan eksport kita ke luar negeri. Kerjasama serantau juga sedang dirancang dan ini telah terbukti dengan penubuhan Persekutuan Majlis Pekapal-pekapal ASEAN yang ditubuhkan baru-baru ini untuk memperkuat lagi kedudukan pengguna kapal di rantau ini.

Di samping menggalakkan perkembangan perdagangan dalam dan luar negeri, usaha-usaha yang pesat juga dititikberatkan oleh Kementerian saya ke arah memperbanyakkan lagi projek-projek perindustrian terutama sekali di kawasan-kawasan yang kurang maju. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengawasi agar perkembangan perindustrian di negeri ini adalah sesuai dengan dasar-dasar yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Langkah-langkah pengawasan yang teliti sentiasa dijalankan oleh Kementerian untuk memastikan dan menjamin agar dasar-dasar itu dilaksanakan dengan sepenuhnya. Semua projek perindustrian adalah dikehendaki mencerminkan penyertaan rakyat Malaysia di dalam semua bidang dan di semua peringkat seperti penyertaan modal, gunatenaga, keahlian di dalam Lembaga Pengarah, pengedaran barang-barang keluaran, penggunaan firma-firma professional tempatan dan sebagainya. Di samping itu semua perubahan dari segi penyertaan ikuti hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian dengan tujuan agar penyertaan rakyat Malaysia terutama sekali golongan bumiputra adalah diberikan keutamaan. Pembentukan Tabung Amanah Bumiputra adalah diberikan keutamaan. Pembentukan Tabung Amanah Bumiputra dan juga penawaran pinjaman oleh bumiputra secara convertible loan adalah dijangka akan dapat memperluas dan mempergiatkan lagi penyertaan bumiputra di dalam projek-projek perindustrian.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) memainkan peranan yang penting di dalam menganjur dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek perusahaan di negara kita. Di antara rancangan-rancangan FIDA bagi tahun 1975 termasuklah membuat lebih banyak lagi kajian-kajian kemungkinan (feasibility studies) ke atas projek-projek perusahaan baru, terutamanya projek-projek yang berasaskan kepada pertanian dan projek-projek yang boleh dikelolakan oleh kaum bumiputra. Lebih banyak lagi kajian akan juga dibuat ke atas projek-projek yang berasaskan getah, alatan-alatan perubatan dan industri-industri logam ringan (light metal industries). FIDA akan menggiatkan penyiasatan ke atas syarikat-syarikat yang telah diberi kelulusan; serta mengkaji semula galakan-galakan pelaburan. Lembaga ini juga akan menjalankan penyelidikan berkenaan dengan kesan-kesan Dasar Kerajaan dan jika perlu, mengesyorkan langkah-langkah yang baru kepada Kerajaan. Sementara itu, FIDA akan terus menyediakan khidmat-khidmat nasihat kepada bakal-bakal pelabur, melayan pertanyaan-pertanyaan mengenai pelaburan serta menyediakan taklimat-taklimat kepada bakal-bakal pelabur. Melalui Daftar Pelabur, Lembaga ini akan terus menghubungi pelabur-pelabur bagi mencari perkongsian yang sesuai bagi projek-projek usaha bersama dengan diberi keutamaan kepada penyertaan kaum bumiputra.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan banyak projek-projek perusahaan. Dalam tahun 1973, 473 projek baru telah diluluskan dan sehingga bulan September tahun ini bilangannya ialah 375 projek. Penilaian projek-projek baru yang diselenggarakan oleh FIDA telah diperkemas. Dalam pada itu usaha-usaha penganjuran yang lebih giat akan dijalankan dalam tahun 1975 di dalam negeri dan juga di luar negeri. Pejabat-pejabat Cawangan FIDA telah dibuka di Alor Star, Kuantan dan Kota Bharu serta juga di Kota Kinabalu dan Kuching. Satu lagi Pejabat Cawangan akan dibuka di Ipoh. Di seberang laut, sebagai tambahan kepada pejabat yang ada sekarang iaitu di New York, San Francisco, Dusseldorf, dan Tokyo, satu lagi pejabat FIDA akan dibuka di London tidak lama lagi.

Menyedari hakikat bahawa perusahaan pelancungan makin bertambah penting dari setahun ke setahun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berazam untuk mempergiatkan lagi perkembangan pelancungan bagi menambahkan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negara ini. Untuk mencapai matlamat ini, berbagai kegiatan pemasaran telah dan sedang dijalankan di dalam dan juga luar negeri. Ini termasuk penyiaran iklan dan rencana-rencana dalam beberapa penerbitan perdagangan dan pengguna antarabangsa, meraikan penulis-penulis dan orang-orang terkemuka di bidang pelancungan, menyertai pameran dan pesta perdagangan, menerbit filem-filem pelancungan serta mengeluarkan, mengedarkan risalah-risalah dan bahan-bahan seranta dan penerbitan pejabat-pejabat penggalakan pelancungan di luar negeri iaitu di San Francisco, London, Tokyo, Sydney, Bangkok dan Singapura. Semuanya ini bertujuan untuk memusat dan menyelaraskan kegiatan seranta di pasaran-pasaran yang penting.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga sedang berusaha menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan dengan tujuan menggalakkan mereka menyertai secara usaha bersama di dalam projek-projek pelancungan. Umpamanya pihak Kelab Mediteranee dari Paris telah memilih Pahang untuk menubuhkan kompleks perancangan mereka yang pertama di negara kita. Dengan tertubuhnya kompleks ini kelak, pelabur-pelabur lain akan mempunyai insentif untuk menanam modal di negara ini terutamanya di Pantai Timur. Dengan adanya pelaburan modal ini peluang-peluang pekerjaan bagi belia-belia dan beliawanis kita akan bertambah dan Kementerian akan terus bekerja rapat dengan Kerajaan Negeri dan pihak swasta untuk menyelaraskan perkembangan pelancungan terutama dari segi penambahan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk menarik para pelancung.

Dari segi memperbaiki serta meninggikan kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk para pelancung, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun merangka beberapa undang-undang kecil untuk menjamin serta mengawasi pembangunan dan perkembangan perusahaan ini dengan berkesan. Di samping itu kita akan terus mematuhi dan melaksanakan segala keperluan untuk mempergiatkan lagi penyertaan bumiputra di dalam bidang ini.

Di lapangan perhubungan antarabangsa pula, Kementerian akan terus berhubung rapat dengan semua anggota ASEAN dan lain-lain pertubuhan antarabangsa dengan tujuan untuk memusatkan lagi kemajuan perusahaan ini di samping menarik lebih banyak lagi persidangan antarabangsa diadakan di Malaysia di masa hadapan.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa perusahaan pelancungan tidak akan dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna tanpa mempunyai rancangan-rancangan, objektif-objektif serta strategi-strategi yang tertentu. Dalam hal ini, langkah-langkah telahpun diambil untuk menyediakan satu plan induk pelancungan. Plan induk ini akan membentangkan segala objektif dan keutamaan bagi memajukan perusahaan pelancungan di negara ini dan juga mengenalkan kawasan-kawasan tumpuan pelancung serta mengesyorkan jenis pembangunan yang perlu dijalankan di kawasan itu. Ini adalah untuk menjamin supaya perkembangan pelancungan di negeri ini mengikut corak yang tertentu agar Malaysia tidak akan dibebani dengan segala kesulitan yang dialami oleh negara-negara lain yang lebih maju dalam bidang ini.

Usaha-usaha ke arah perkembangan perusahaan adalah dirasakan kurang efektif sekiranya kemudahan-kemudahan latihan yang sempurna tidak disediakan. Bagi memenuhi keperluan ini, Pusat Daya Penguasaan Negara telah diberikan tugas untuk menyediakan latihan-latihan yang sempurna dan cukup di semua bidang pengurusan bagi menjamin suatu mutu kemahiran pengurusan dan penyeliaan yang baik. Tumpuan diberikan kepada latihan-latihan, daya penguasaan, perkhidmatan perundingan dan perkhidmatan nasihat. Dengan adanya latihan-latihan ini, perjalanan perusahaan, kaedah-kaedah jualan dan pasaran khususnya bagi perkara-perkara yang mengenai mempertingkatkan mutu pengeluaran akan dapat diperbaiki. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1973 sebanyak 152 kursus dengan pesertanya seramai 2,784 telah diuruskan. Hingga bulan Oktober tahun ini sebanyak 169 kursus dengan pesertanya seramai 2,982 telah diuruskan. Bagi tahun hadapan sebanyak 206 kursus akan diadakan.

Tuan Pengerusi, satu tugas berat yang terpaksa dipikul oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah menggiatkan lagi penyertaan bumiputra di dalam

bidang-bidang perdagangan dan perindustrian. Saya sukacita mengumumkan di Dewan Yang Mulia ini, iaitu satu bahagian baru, Bahagian Penyertaan Bumiputra, telah pun ditubuhkan di Kementerian saya pada awal tahun 1973. Di samping memainkan peranan memberi khidmat yang berbentuk nasihat dan penerangan kepada bumiputra mengenai semua aspek berhubung dengan perdagangan dan perindustrian dan mencuba mendapatkan peluang-peluang untuk bumiputra menyertainya, Bahagian ini akan mencuba menggalakkan bumiputra untuk mengambil minat dan kecenderungan dalam berbagai-bagai jenis perniagaan; tidak hanya tertumpu kepada bidang-bidang yang tertentu sahaja seperti yang terdapat pada masa lepas.

Perlaksanaan tugas-tugas ini memerlukan kerjasama dan sokongan dari semua pihak yang terlibat terutamanya sektor swasta dan usahawan-usahawan dan bakal-bakal usahawan-usahawan bumiputra sendiri. Bagi tahun 1975, Bahagian ini akan menumpukan perhatiannya untuk menyiasat kegiatan-kegiatan usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat bumiputra dan masalah-masalah yang mereka hadapi. Dari maklumat-maklumat yang diperolehi itu maka dapatlah Kementerian ini mengambil tindakan dan langkah yang sesuai supaya pihak yang berkenaan yang mempunyai potential diberi peluang dan layanan yang saksama oleh firma-firma. Penyiasatan ini juga akan dapat membezakan samada syarikat-syarikat bumiputra yang ada sekarang ini sebenar-benarnya syarikat bumiputra atau syarikat usaha bersama bumiputra dengan bukan bumiputra ataupun hanya merupakan syarikat yang biasa dikatakan syarikat Ali Baba sahaja. Untuk maksud ini Bahagian ini akan berhubung rapat dengan Dewan-dewan Perniagaan Bumiputra dan juga Persatuan-persatuan Perniagaan Bumiputra yang lain seperti Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Bumiputra.

Lain-lain bidang yang juga diuruskan oleh Kementerian saya ialah Pendaftaran Syarikat-syarikat. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Pejabat Pendaftaran Syarikat telah mendaftarkan sehingga ini lebih kurang 20,546 buah syarikat berbanding dengan 17,504 buah sehingga tahun 1973. Dari bulan Januari 1974 hingga 30-10-74 sebanyak 3,723 buah syarikat telah didaftarkan berbanding dengan 3,468 buah yang

didaftarkan dalam tahun 1973 dan 1,874 dalam tahun 1972. Jumlah bilangan syarikat-syarikat yang didaftarkan akan meningkat kepada 25,000 dalam tahun 1975 nanti.

Hasil yang dipungut pada tahun 1972 ialah sebanyak \$4.2 juta dan dalam tahun 1973 pula hasil ini telah meningkat kepada \$9.3 juta. Sehingga 31-10-74 pungutan hasil berjumlah sebanyak \$8.1 juta. Bagi tahun hadapan pungutan hasil dijangka akan meningkat \$10 juta. Berbanding dengan hasil yang dipungut, Pejabat Pendaftaran Syarikat hanya membelanjakan sebanyak \$500,000 dalam tahun 1972; \$579,000 dalam tahun 1973 dan sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak \$373,000.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada peruntukan-peruntukan Akta Syarikat sedang dikaji oleh Jawatankuasa yang dibentuk oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jawatankuasa ini sedang giat mengkaji pindaan-pindaan itu dengan tujuan supaya Akta Syarikat, 1965 dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan lagi. Kementerian ini juga akan mengambil tindakan untuk menambah bilangan pegawai-pegawai bagi menguatkuasakan Akta ini di masa-masa akan datang. Selain daripada menguatkuasakan Akta Syarikat, 1965, Pejabat Pendaftaran Syarikat juga diamanahkan bagi menguatkuasakan Akta Perusahaan Sekuriti yang diluluskan di dalam tahun 1973. Kementerian ini berharap Akta ini akan dikuatkuasakan secepat mungkin sebaik-baik sahaja masalah-masalah yang dihadapi dari segi penguatkuasaan dapat diatasi.

Kementerian ini juga bertanggungjawab di atas pendaftaran perniagaan (business registration). Tugas ini dikendalikan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan. Sehingga hari ini sebanyak 195,851 perniagaan yang berupa perniagaan persendirian (sole proprietorship) dan perkongsian (partnership) telah didaftarkan. Dalam tahun 1973 Pejabat ini telah dapat mengutip hasil sebanyak \$4.3 juta dan sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak \$4.1 juta. Tahun hadapan kutipan hasil dianggarkan sebanyak \$4.6 juta.

Satu lagi tugas Kementerian ini ialah berkaitan dengan pendaftaran cap dagangan dan jaminhak. Pada masa sekarang pendaftaran cap dagangan dan jaminhak adalah dijalankan berasingan di dalam ketiga-tiga

wilayah Malaysia di bawah Ordinan masing-masing, iaitu Ordinan Cap Dagangan, 1960 di Semenanjung Malaysia, "Cap. 142" di Sabah dan "Cap. 62" di Sarawak. Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menyediakan satu undang-undang bagi meliputi seluruh Malaysia dan menubuhkan Pendaftaran Pusat (Central Registry) di Kuala Lumpur dengan Pejabat Cawangan di Sabah dan di Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan permohonan cap dagangan yang diterima dalam tahun 1973 ialah sebanyak 3,820 dan sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak 4,470. Bilangan cap dagangan yang didaftarkan adalah sebanyak 2,188 dalam tahun 1973 dan 2,750 sehingga bulan Oktober tahun ini. Bilangan jaminah yang dikeluarkan ialah sebanyak 566 dalam tahun 1973 dan sebanyak 280 sehingga bulan Oktober tahun ini. Hasil yang dikutip ialah sebanyak \$219,000 dalam tahun 1973 dan sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak \$254,000.

Menyentuh tentang Anggaran Pembangunan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memerlukan peruntukan sebanyak \$7,930,097 untuk membiayai berbagai Projek Pembangunan. Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$5,030,087 untuk melaksanakan projek-projek pembangunan berikut: \$3,845,085 bagi pembangunan Kompleks Bukit Nanas; \$1 juta untuk projek Son Et Lumiere (sound and light spectacular), Pulau Pinang; \$125,000 untuk Motel Rantau Abang di Trengganu dan \$60,000 untuk Kompleks Peranginan Batu Caves.

Pusat Daya Pengeluaran Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$1.3 juta untuk membuat kerja-kerja menambah bilik-bilik pegawai dan bilik-bilik syarahan dan mendirikan Sekolah Latihan Hotel/Restoren dan pelancungan.

FIDA memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$640,590 untuk mendirikan Pusat Pembangunan Perusahaan Logam Malaysia (Malaysia Metal Industries Development Centre). Pusat tersebut adalah dibiayai bersama dengan Bangsa-bangsa Bersatu untuk tempoh 5 tahun dan usah-usaha penubuhannya dijangka bermula pada tahun hadapan.

Bahagian Perdagangan Antarabangsa memerlukan peruntukan sebanyak \$700,000

untuk memperbaiki dan membaharui Rumah Malaysia di London. Kerja tersebut dijangka selesai pada tahun hadapan.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga memerlukan peruntukan sebanyak \$900,000 sebagai sumbangan kepada Syarikat Malaysia Explosives Sendirian Berhad yang merupakan projek usaha bersama di antara Kerajaan Malaysia dengan kalangan swasta.

Tuan Pengerusi, saya mohon Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$26,680,050 dan Anggaran Pembangunan sebanyak \$7,930,097 diluluskan.

5.41 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama yang saya ingin sentuh ialah di dalam muka surat 147, Pecahan-kepala (Kod) 1100 (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, peruntukan yang dikehendaki berjumlah \$46,080.

Tuan Pengerusi, Majlis ini ditubuhkan untuk memberi peluang kepada pengguna-pengguna di seluruh Malaysia mengambil bahagian untuk memberi nasihat kepada Menteri yang berkenaan dan kepada Kerajaan dari segi pengguna-pengguna atau rakyat jelata di tanahair kita atas kenaikan harga barang-barang keperluan. Tetapi malangnya, saya sedar apabila Kerajaan menaikkan harga beberapa barang-barang keperluan yang mustahak, maka Kerajaan tidak berhubung dengan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Adakah ini atas pandangan Menteri atau atas pandangan Kerajaan Barisan Nasional, iaitu pandangan atau fikiran pengguna-pengguna di tanahair kita tidak begitu perlu dan mustahak.

Di negara lain, Tuan Pengerusi, ada Jabatan Pengguna di Kementeriannya atau di negara lain ada mewujudkan "Kementerian Pengguna". Ini bermakna di negara lain Kerajaan tersebut memberi pandangan atas pandangan pengguna yang mustahak, tetapi malangnya di tanahair kita walaupun kita ada Majlis ini dan walaupun telah

beberapa kali Menteri yang berkenaan dan Kerajaan sendiri mengatakan pandangan dan fikiran pengguna di tanahair kita mustahak, tetapi apabila timbul masa Kerajaan perlu berhubung dengan Majlis ini untuk mendapat fikiran pengguna, Kerajaan tidak berbuat demikian. Perkara ini Kerajaan atau Menteri sendiri di dalam Dewan ini juga mengatakan apabila Kerajaan atau Kementerianannya mengambil keputusan supaya kilang-kilang atau peniaga-peniaga boleh menaikkan harganya, Kerajaan memberi keputusan tanpa berhubung dengan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna kebangsaan oleh sebab pada pandangan Kerajaan kes kilang telah dipersetujui oleh Kerajaan dan oleh sebab itu tidak payah berhubung dengan pengguna-pengguna di tanahair kita.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, this makes a mockery out of the establishment of this Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. If the Government thinks that this Advisory Council is necessary—and I say it is necessary—then the Government must not pay lip service to this body, which represents the consumers in this country, but it should at all times, consult this Advisory Council, so that at least the Government and the Minister can listen to the views of the consumers in this country. It is very important, Mr Chairman, Sir, that in these times of inflation when almost every month, if not every week, the prices of the basic necessities of life keep on rising, the consumers of this country from the very humble padi planters to the executives should, through their Consumers Associations, be given the chance to give their views.

Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan juga mengatakan Kerajaan sedar atas kepentingan kemajuan dan penggalakkan perdagangan antarabangsa (international trade), tetapi kalau sekiranya kita baca dengan teliti anggaran atau peruntukan untuk tujuan ini saya tidak lihat bagaimanakah kepentingan ini berlaku.

Umpamanya, di muka surat 147, peruntukan untuk Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan pada tahun ini ialah \$2,153,611 tetapi pada tahun 1975 peruntukan cuma \$2,164,644. Ini bermakna kelebihan sedikit sahaja. Pada tahun ini bilangan pegawai 286 dan pada tahun hadapan pun bilangannya serupa juga iaitu 286. Saya hendak

bertanya kepada Kerajaan atau kepada Menteri yang berkenaan bagaimanakah kita boleh memajukan dan menggalakkan perdagangan antarabangsa jika kita tidak memberi peruntukan yang sesuai dan kita tidak mengambil lebih pegawai untuk bertugas di dalam bahagian (division) ini.

Tuan Pengerusi, the Government is quite aware of the necessity of promoting our exports to all parts of the world and, to that extent, it should spend more in training Trade Commissioners and in opening up Trade Commissioner Offices in areas where we think we can sell either our primary products or our finished goods and thereby increase our exports to other countries. But, unfortunately—I reiterate it again—the estimates and the number of officers that are being provided for next year do not reflect the importance of our export trade for the coming year. I do hope that the Minister in the coming year will find his way to get more Trade Commissioners and, perhaps, open up more Trade Commissioner Offices so that we can increase our exports overseas.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan tentang saham-saham untuk bumiputra. Kita diberitahu di Dewan ini bahawa saham-saham untuk bumiputra sebanyak, kalau tidak salah saya, \$500 juta tidak diambil oleh bumiputra.

What I want to ask the Minister is whether he has any concrete plans to see how these shares, which are allocated for the bumiputras and which my party, the PEKEMAS, fully supports, are made use of by the bumiputras. By "bumiputras" Mr Chairman, Sir, I do not mean the top echelon of the bumiputras—the executives, the managing directors and so on because they can take care of themselves. But, if we want to narrow the gap between the "haves" and the "have-nots" in this country, we must see to it that the greater part of these shares are given to these small-time investors. I do know that, in these days of recession and stagflation, it is very difficult to expect the small-time *penoreh getah* or the *kaum petani*, for example, to have spare cash to invest in shares that have been reserved for the bumiputras. But we hope that the Government, when better times arrive, will make a serious attempt to see that these shares are given to the small-time investors amongst the bumiputras, so that they can have a stake in industries in this country.

Mr Chairman, Sir, I wish to touch a little on the National Productivity Centre. I wish to commend the National Productivity Centre personnel for the excellent work that they have been doing. I do know that they hold training courses both for the management and for workers, and these courses have been very useful to the workers at least. I myself have been invited by the National Productivity Centre on a few occasions to talk to some of the workers there, and I see that the workers have taken a great interest in the courses that are being provided for them.

Tuan Pengerusi: I am afraid the time is up now, Honourable Member.

Dr Tan Chee Khoon: I will wind up in a few sentences. Mr Chairman, Sir, I say that it is very important in this country that a project like the National Productivity Centre should cater for both management and the workers so that we can have different points of view of management and workers and that they cannot always be in conflict.

5.53 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan disamping itu saya sangat-sangat tertarik hati kepada apa yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan kesedaran Kementerian tersebut untuk menggalakkan penyertaan bumiputra dan sebagainya.

Saya suka menyentuh muka 151, Kepala B. 20 di bawah tajuk Perkhidmatan Pelbagai (Miscellaneous Services). Di sini saya anggap terletaklah Bahagian yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu Bahagian Penyertaan Bumiputra. Saya suka membawakan pandangan Kementerian yang tersebut bahawa dari jumlah 64,300 perusahaan-perusahaan, firma-firma dan agensi-agensi di seluruh Malaysia, iaitu tidak termasuk perusahaan taraf perintis, hanya ada 14% sahaja bumiputra yang memegang jawatan executive. Di dalam perusahaan taraf perintis pula ada 12% sahaja iaitu, Perkeranian 14% dan Buruh 57%.

Tuan Pengerusi, saya suka mengemukakan beberapa syor di sini untuk pandangan Yang Berhormat Menteri agar dapat langkah-

langkah dibuat mengatasi keadaan yang buruk ini. Pihak swasta hendaklah ditegaskan, diminta atau disyaratkan oleh Kementerian supaya mempunyai rancangan latihan sendiri tanpa mengumpukan pegawai-pegawai Kerajaan untuk berhenti kerja dan bekerja pula dengan syarikat-syarikat swasta itu. Biasiswa yang ditawarkan oleh pihak swasta hendaklah dilonggarkan, iaitu jangan terhad kepada calon-calon yang mempunyai basic qualification yang tertentu sahaja, tetapi hendaklah dibuka kepada calon-calon peringkat preparatory level. Pihak swasta hendaklah berdasarkan, bukan hanya kepada keperluan mereka, tetapi hendaklah kepentingan Kerajaan iaitu national interest. Satu jawatankuasa hendak ditubuhkan oleh Kementerian untuk memperhatikan peranan pihak swasta di dalam menjayakan hasrat Kerajaan di rancangan pembangunan lima tahun di bawah Dasar Ekonomi Baru kita. Pihak swasta juga hendaklah mengambil berat dan membantu kerajaan memperbaiki keadaan yang tidak seimbang di cawangan perniagaan dan perusahaan seperti menjadi agensi-agensi, perwakilan-perwakilan dan pengedar-pengedar mereka. Kerajaan juga hendaklah mengawasi supaya pihak-pihak swasta ini menanam semula modal mereka, bukan di luar negeri, tetapi di dalam negeri kita, dan yang mustahaknya ialah bank-bank. Sungguhpun ada rancangan C.G.C. ini—kalau saya hendak baca memakan masa panjang—tetapi saya suka membacakan patinya sahaja, berbunyi seperti berikut:

“The maximum limit of the credit facility that is eligible to be guaranteed under this scheme shall be \$100,000 provided always that no security whatsoever shall be required in respect of any credit facility not exceeding the sum of \$30,000.”

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat membaca daripada lapuran mana?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Daripada buku yang dikeluarkan oleh Credit Guarantee Corporation. Guaranteed Scheme 1973, Revised Scheme 1973. 1st October, 1973, the latest.

Yang mendukacitakan sungguhpun ada mengatakan \$30,000 di bawah rancangan C.G.C. itu tanpa guarantee, tetapi bank-bank swasta (commercial banks) masih juga memerlukan guarantee bila peniaga-peniaga

kecil bumiputra memohon pinjaman, kecuali Bank Bumiputra.

Tuan Pengerusi, kebanyakan bumiputra tidak tahu menggunakan facility bank, selain daripada, kita fikir, bank itulah tempat kita mendapat over-draft (mendapat pinjaman). Bank-bank hendaklah ditegaskan bekerjasama dengan Kerajaan supaya mengadakan kursus-kursus mengajar peniaga bumiputra dan memberitahu facility yang ada untuk mereka, seperti facility membuka letter of credit, facility discounting, billing dan sebagainya.

Saya juga di sini suka menyentuh berkenaan dengan joint-venture, sedap bunyinya. Saya suka mengingatkan pihak Kementerian bahawa ada banyak joint-venture yang dibuat itu, sungguhpun equity participationnya lebih dipunyai oleh bumiputra ataupun badan-badan berkanun seperti UDA, MARA, SEDC dan lain-lain, tetapi kerana adanya pula kononnya Technical Agreement, Management Agreement make kuasa mentadbir syarikat-syarikat dan perusahaan-perusahaan itu terpulang kepada kaum bukan bumiputra ataupun pemodal-pemodal seberang laut. Hinggakan membeli bahan mentah, membeli alatan-alatan, menentukan siapa jadi travel agency pun di tangan penanam-penanam modal dari seberang laut. Untuk mengatasi gambaran buruk ini, saya suka mengesyorkan di sini bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah meminta semua salinan-salinan Memorandum dan Articles of Association menunjukkan dengan nyata penyertaan Bumiputra, iaitu peratusnya, diserahkan kepada Kementerian.

Yang keduanya, salinan-salinan share certificates yang telah dicertifykan oleh Company Secretary menunjukkan paid-up capital itu hendaklah jua diserahkan kepada Kementerian. Semua salinan-salinan perjanjian sebagaimana yang saya katakan tadi — Technical Agreement, ataupun Management Agreement, hendaklah juga diserahkan kepada Kementerian dan tiap-tiap 12 bulan ataupun enam bulan diwajibkanlah syarikat-syarikat itu menghantar butir-butir pekerjaan (labour returns) semua peringkat. Kementerian juga hendaklah sentiasa mengawasi jika ada mana satu-satu perusahaan atau syarikat itu tidak patuh, lesen-lesen atau permit-permit yang telah diluluskan hendaklah ditarik semula. Misal-

nya, forest licence, sawmill licence, ply-wood factory licence, timber exporters licence, yang setiap tahun kena diperbaharui. Kalau dia tidak patuh jangan diperbaharukan.

Tuan Pengerusi, kerana masa ada lagi, saya suka menyentuh berkenaan dengan pelancungan. Nampaknya di negeri kita banyak penanam-penanam modal ataupun syarikat-syarikat pelancungan seberang laut, terutamanya negeri Jepun telah membuka cawangannya di sini tanpa apa-apa kawalan. Hendaklah ditegaskan ataupun disyaratkan supaya penanam modal tempatan dilebihkan, terutamanya daripada bumiputra. Kalau tidak ada kawalan maka syarikat ini, bukan sahaja dapat keuntungan lebih dan dibawa ke negeri mereka, tetapi juga segala pelancung-pelancung dari seberang laut itu, bertolak sahaja daripada negerinya sudah diaturkan; di mana tempat hendak tidur, di mana tempat hendak makan, di mana tempat hendak pergi dan sebagainya. Tidak ada peluang pun kepada syarikat-syarikat pelancungan tempatan untuk mendapatkan pelancung-pelancung itu bagi pelanggan mereka.

Berkenaan dengan impot-ekspot, di sini saya suka menyentuh A.P. (Approved Permit). Saya minta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kerana banyak daripada bumiputra yang menyalahgunakan A.P. Saya tidak hendak seperti kata pepatah Melayu: kerana nila seitik rosak susu sebelanga. Kalau ada bukti Bumiputra menyalahgunakan A.P. itu maka hendaklah Bumiputra itu diblacklistkan langsung, jangan lagi diberi apa-apa.

Yang keduanya, berkenaan dengan window display yang diadakan di seberang laut untuk menarik orang-orang tahu apakah perusahaan-perusahaan kita; sangatlah tidak memuaskan. Saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan, Yang Berhormat Menteri misalnya, kerana selalu pergi ke tempat itu, iaitu di Trafalgar Square, London, di mana

Tuan Pengerusi: Siapa yang selalu pergi?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya ada juga pergi dua tiga kali melancung sahaja. Di mana window displaynya sangatlah shabby. Kalau adapun tyre basikal yang dipamirkan, barangkali dibuat pada tahun 1957.

Tuan Pengerusi: Menasabah dengan bangunannya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Bangunan itu boleh diperbaiki, Tuan Pengerusi; kasut-kasut yang saya tengok sudah berabuk dan bercendawan.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih.

6.06 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berjumlah sebanyak \$34.6 juta dan saya ingin hendak menyentuh dalam Kepala B. 20, Aktiviti 9, Pendaftaran Perniagaan, Pecahan-kepala 1100.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, in view of the acute shortage of housing and of the people being more home-owning conscious, private housing developers and realty agencies have mushroomed all over the country. Lately bogus developers and agencies have cropped up amidst this uncontrolled housing market frenzy. This has resulted in many innocent rakyat being swindled.

Deposits ranging from a few hundred dollars to several thousand dollars have been given to these so-called housing agents who run away with the money or whose impressive temporarily rented booking offices have suddenly been closed the next day. This is happening in Johore right now. Tuan Pengerusi, this state of affairs must not be allowed to go on. Up to now there is no effective form of checks and measures against these potential bogus developers and agents. The housing and realty agents

Tuan Pengerusi: Order-order!

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak melibatkan Kementerian saya. Ini masaalah perumahan.

Tuan Pengerusi (Kepada Dr Hee Tien Lai): Ini di bawah Kepala lain.

Dr Hee Tien Lai: It is about the registration of businesses and I am coming to it in a minute, Sir.

Tuan Pengerusi: Tetapi cara Ahli Yang Berhormat mengemukakan tadi menitik-beratkan Kementerian Perumahan. Your stress was on housing and not on licensing.

Dr Hee Tien Lai: Now I am talking about the registration of businesses.

Tuan Pengerusi: Proceed, please.

Dr Hee Tien Lai: A housing and realty agency can be set up simply after registration with the Registrar of Businesses. This offers insufficient security for the business that deals with large sums of money. Moreover, the owners and agents of such housing companies or realties have little or no qualification and their financial standing is often open to doubt. Tuan Pengerusi, I propose that the Government should legislate to ensure that housing developers and realty agents be licensed so as to safeguard the innocent people who have a genuine need to own houses against unscrupulous practices and victimisation by the agents.

The following are my humble measures put forward to streamline the workings of these housing developers and realty agencies in future:

- (1) That there should be a minimum deposit of \$50,000 with the Treasury.
- (2) That such agents should be qualified persons with at least a School Certificate and with the experience of two or three years of Articleship with a qualified land valuer or surveyor.
- (3) That the persons should have no previous conviction and should produce good recommendation.
- (4) That they should be Malaysian citizens.
- (5) That all monies received by housing and realty agencies should be placed in Trust Accounts and these Accounts be audited annually.
- (6) That the annual licence should only be issued subject to the accounts being audited annually.

6.10 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Pengerusi, saya suka membuat sedikit komen mengenai Kepala B. 20, muka surat 147—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, perkembangan perdagangan dan perindustrian ke kawasan-kawasan luar bandar adalah benda-benda yang baharu di Malaysia ini. Negara kita masih dalam pembangunan. Keduanya kebanyakan daripada barang-barang kita beli itu adalah, diimport, dengan mengimport terlampau banyak barang-barang daripada negara-negara lain kita terpaksa mengenakan cukai import. Ini akan menambahkan harga barang-barang yang diimport. Satu cara hendak menyelesaikan perkara ini ialah dengan mengembangkan industri tempatan ke kawasan-kawasan luar bandar, terutama sekali kawasan-kawasan di Sarawak dan di Sabah di mana pengguna-pengguna menjadi mangsa akibat cukai-cukai.

Dalam hal ini penduduk-penduduk di Sarawak dan di Sabah terpaksa membayar lebih lagi bagi barang-barang yang diimport di Malaysia daripada rakan-rakan mereka di Malaysia Barat ini. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mendesak Kerajaan terutama sekali Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengembangkan lapangan (scope) industri ke kawasan-kawasan luar bandar. Tambahan pula dengan mengembangkan industri-industri ke kawasan-kawasan luar bandar kita akan memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan bagi menambahkan G.N.P. kita. Yang ketiganya, Malaysia masih mengeksport banyak barang-barang mentah kepada negara-negara lain dan dengan demikian kita dapati kurang industri di negeri kita sendiri. Ini sepatut tidak di galakkan kalau kita benar-benar hendak mengembangkan industri-industri tempatan. Dengan cara ini, kita boleh membuat barang-barang kita sendiri bagi kegunaan-kegunaan kita, dan sumber-sumber barang-barang yang dibuat di negara ini boleh dieksport ke negara-negara lain.

Di sini saya suka membuat rujukan bagi peruntukan sebanyak \$34,610,147 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ini adalah sangat kecil memandangkan bertambahnya perkembangan perdagangan di negara kita. Melalui perhatian saya sendiri,

saya dapati bahawa beribu-ribu orang di Malaysia ini masih menunggu peluang untuk memasuki zon perdagangan samada di dalam perniagaan yang besar dan kecil. Jika Kerajaan benar-benar hendak mengembangkan kegiatan-kegiatan perdagangan di seluruh negara kita, saya rasa peruntukan yang ada di hadapan kita ini adalah tersangat kecil. Oleh kerana itu, saya mendesak Kerajaan supaya memperuntukkan lebih banyak wang bagi memenuhi kehendak perkembangan perdagangan untuk penduduk-penduduk di negara kita mengikut keadaan sekarang. Dengan berbuat demikian, saya percaya Kerajaan boleh mengembangkan kegiatan perdagangan di Sarawak supaya lebih ramai orang boleh mengambil bahagian dalam perdagangan, terutama sekali bumiputra yang masih ketinggalan di belakang di dalam bidang perdagangan. Sekaranglah masanya bagi Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai bumiputra mengambil bahagian dalam kegiatan perdagangan dengan membenarkan perkara berikut:

- (a) Mengadakan banyak lagi perniagaan bersama dengan bumiputra yang sudah mempunyai pengalaman dan modal.
- (b) Memberi lebih banyak pinjaman khasnya kepada bumiputra.
- (c) Memberi latihan yang perlu termasuk lawatan sambil belajar ke negara-negara dan tempat-tempat yang seawajar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

6.15 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh Perbekalan B. 20—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebanyak \$34,610,147.00.

Saya suka menyentuh pada Pecahan-kepala 1300 (3) Bahagian Penguatkuasa. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menegaskan bahawa Bahagian Penguatkuasa ini akan ditambah pada tahun depan kerana peruntukan ada bertambah tetapi apa yang saya hendak tegaskan supaya Penguatkuasa ini janganlah sekadar sekitar pekan besar sahaja hendaklah dikirimkan selalu mengawasi atau membuat kajian tergepar kepada kawasan-kawasan yang di luar bandar. Kerana setahu saya sehingga

pada hari ini jarang benar saya dengar ada usaha-usaha untuk mengatasi kempen sorok dan mengkaji tentang harga-harga barang di luar-luar bandar, terutamanya di tempat saya di Tanjong Karang. Sebagaimana kita tahu pada hari ini, umpamanya, harga minyak kelapa, sedangkan kelapa sudah turun, tetapi harga minyak kelapa serupa seperti masa kelapa berharga tinggi. Penduduk di luar bandar sangatlah tidak mengerti keadaan ini dan mengharap sungguh Penguatkuasa dalam Kementerian ini menjalankan penyiasatan dan tugasnya ditumpukan banyak ke kawasan-kawasan yang berpendapatan rendah.

Saya suka lah mencadangkan supaya dapat panduan harga di pekan-pekan kecil di luar bandar itu supaya rakyat semua dapat membandingkan samada benar atau tidak apa yang ditulis oleh peniaga-peniaga di kedainya masing-masing. Siaran daripada talivisyen dan radio itu cuma sepiantas lalu; bagi orang kampung sukar untuk mengikutinya. Ada baiknya rasa saya Kerajaan mengadakan satu signboard untuk dipaparkan harga turun-naik daripada satu masa ke satu masa. Jadi dapatlah panduan baik kepada orang-orang kampung dan kepada peniaga-peniaga pun saya rasa adalah jadi satu teguran atau awas kepada mereka dan tidak sewenang-wenang boleh menaikkan harga mengikut kehendak hati mereka sendiri.

Yang kedua, berkenaan dengan pelancungan. Untuk menggalakkan pelancungan dari luar negeri datang ke negeri kita ini, pada hari ini kita berasa hairan juga kalau ada orang-orang di luar negeri—antara-bangsa masih lagi keliru atau barangkali kurang luas dapat publicity berkenaan dengan negara kita ini. Ada lagi orang yang belum faham atas keadaan dan kedudukan Malaysia yang begitu baik, yang begitu indah untuk mereka melancung. Ini disebabkan oleh kerana kurang luas publicity di luar-luar negeri sepertimana yang dibuat pada hari ini. Saya mencadangkan supaya diperluaskan publicity di tiap-tiap negara di luar negeri supaya dapat kita menarik pelancung-pelancung daripada luar negeri dengan lebih banyak lagi pada hari ini. Kerana ini adalah satu income yang baik dan satu galakan perhubungan sebagaimana yang digalakkan oleh Kementerian ini.

6.23 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar) Tuan Pengerusi, saya ingin berucap mengenai Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1100, muka surat 147 di bawah Urusetia Majlis Penasihat Perlindung Pengguna Kebangsaan.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, in reply to an oral question raised by me on 15th November, 1974 in this august House the Minister of Trade and Industry rejected my proposal for the setting up of a Fair Price Tribunal to protect consumers from the scourge of inflation. He stated that his Ministry was satisfied that the National Advisory Council on Consumer Protection as well as the Ministry's Price Review Committee could control the price situation in our country. However, despite what was uttered by the Minister, we know, and all the consumers know, that the measures announced by his Ministry are not effective enough to control price increases especially of essential goods and commodities.

Judging from the reply given by the Minister on 15th November during Question Time, it would appear to us that his Ministry places more importance on its own Price Review Committee and the Minister's own discretion as well as the Cabinet's rather than going to the National Advisory Council on Consumer Protection when deliberating requests by manufacturers for price increases of essential commodities.

The Ministry does not appear to be concerned about the proper functioning of the Secretariat of the National Advisory Council on Consumer Protection. It is now more than a year since the Secretariat is in operation but it is not fully equipped with the necessary staff to run it efficiently.

Tuan Pengerusi, this is a deplorable state of affairs which must be rectified immediately. If the Government is sincere about consumer protection against the machinations, profiteering and exploitation of irresponsible manufacturers in our country, then it should take proper steps to equip this National Advisory Council on Consumers Protection with the necessary staff to make it run efficiently as well as to refer to it all issues pertaining to price increases for deliberation.

But, however, this is not the case regarding the recent request by manufacturers to

increase the prices of flour, sugar and milk. According to the Minister himself, the request for price increases of these three essential commodities was only discussed by the Government's Departmental Committee and referred to the Cabinet for a decision. The Minister had stated that it was up to him to use his discretion whether or not to refer any such matters to the National Advisory Council for Consumer Protection or that it would be better to refer to a smaller committee "with experts" (according to him) to deliberate the subject.

Tuan Pengerusi, if what the Minister said is true, then it will only make a mockery of the National Advisory Council on Consumer Protection and will defeat its very purpose and objective for which it exists. If it is incorrect for me to say this, then I urge the Minister concerned to give a clarification on this vital matter.

My colleagues and I are indeed concerned about this question of consumer protection and we have yet to be convinced that the Ministry of Trade and Industry is all out for consumer protection. On the contrary, we still have the feeling that the Ministry is only interested in giving in to the manufacturers every time when a request for price increase is made.

Tuan Pengerusi, certainly not enough is being done for consumer protection. For the Ministry to be effective in protecting the consumers, I have here four proposals in mind.

- (1) The National Advisory Council for Consumer Protection should and must be consulted before any price increases. This Council should be allowed to conduct its proceedings in public, and not in private as at present, and before any industry or a manufacturer raises the prices, such proposed increases must be submitted to the Council for its consideration and recommendation.
- (2) The Government should form a Parliamentary Standing Sub-Committee on Price Increases and Profiteering comprising representatives from all parties represented in Parliament with power to hold public hearings and summon witnesses on every unreasonable price increase.

This Parliamentary Standing Sub-Committee should then make its views and recommendations known to the public as to whether any price increase is justifiable or is sheer profiteering.

Tuan Pengerusi, I believe if every unreasonable price increase can be exposed to the search of public scrutiny and examination with those responsible for it having to answer and to justify their actions publicly, then it will have a salutary effect to curb unconscionable pricing by manufacturers.

- (3) The Government should introduce anti-trust laws and other regulations to ban price manipulation by manufacturers and wholesalers who are making great profits at the expense of the ordinary workers, peasants and consumers.
- (4) The Government should also review the pricing of all locally-manufactured products by manufacturers to ensure that the consumers are not victims of unfair pricing by local manufacturers.

Tuan Pengerusi, on the subject of consumer protection, I would like to take this opportunity to speak a little on the plight and sufferings of the poor in our country as a result of the price increase of milk powder and bread recently.

Both these items, in my view, should be classified as essential items, especially milk powder which is consumed by the poor and the rich and undoubtedly the poor parents have to suffer in this respect as their budget will be adversely affected.

When the manufacturers decided to increase the price of milk powder, the Government acceded to the increase without consulting the National Advisory Council on Consumer Protection. Consumers are not given any opportunity to have a say on this new price increase and they have no means of having their representations heard. Furthermore, the Government stated that milk powder is not a controlled item and therefore it could not do much to control pricing. The same goes with bread. With 50 cents a loaf, the poor and the low-income group are finding it difficult even to survive on bread.

In view of the above, I would like to urge the Government to take more positive and concrete action to check any further increase in prices of milk powder and bread. In this

respect, I propose that it should make both milk powder and bread as controlled items, in line with the other five controlled items, so that more effective measures can be taken to deal with the pricing of these two items.

One of the main causes of inflation is that manufacturers want to capitalise on this period of inflation and exceed their previous profit margins irrespective of the hardship caused to the consumers. This is the reason why there must be a Fair Prices Tribunal in our country with powers to veto any price increase or receive complaints by consumers about any unfair pricing as this will go a long way to eliminate profiteering.

Tuan Pengerusi, the recent increase in prices of seven brands of soft drinks by Fraser and Neave and Lion (M) Sdn. Berhad is highly deplorable. Such increase in prices has brought hardship to the coffee shop-keepers and other dealers in these bottled drinks. Furthermore, it is a severe blow to the consumers as soft drinks are largely consumed by the middle and low-income groups.

I urge the Minister concerned to look into the plight of the consumers and sincerely do something to protect their interests. The prices of these soft drinks should not be increased, particularly in view of the coming festive seasons. I, therefore, urge the Minister to intervene into this matter and bring justice to the consumers.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Perdagangan. Recently many traders and merchants in my constituency came and complained to me about the delay by the Ministry of Trade and Industry to issue Approved Permits or A.P.s to enable them to take delivery of the goods like textiles from our ports ordered by them from foreign countries. The delay in the issue of these A.P.s has resulted in the goods piling up at our ports like Port Kelang. The piling up of goods at our ports has created a lot of hardship to our traders and merchants because, if they fail to clear the goods upon arrival at the ports, they have to pay storage charge as well as bank interest.

I urge the Minister concerned to personally look into this matter and take steps to ensure that the A.P.s are issued with the least delay to our merchants and traders, so that they can quickly remove the goods which have been ordered by them from the ports.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh sedikit mengenai Bahagian Penguatkuasa.

The Enforcement Division is an important division in the Ministry concerned, for it is responsible for executing the various laws of the Ministry, such as the 1946 Price Control Ordinance and the 1961 Control of Supply Act. It is also responsible for the investigation of complaints from the public regarding hoarding by shops and taking the necessary action to bring the hoarders to book. While the responsibilities laid down for the Enforcement Division are proper, it is, however, my view that measures must also be taken to ensure that there is no abuse of powers by the Enforcement Division when carrying out its duties.

In this regard, I would like to touch on the question of the Government's anti-hoarding campaign.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih. When launching its anti-hoarding campaign, it is vitally important for the Enforcement Division to know how to differentiate what is lawful stocking and what is unlawful hoarding. I say this because at times certain Enforcement Officers, out of over-zealousness in their work, may interpret the stocking of certain goods to be unlawful hoarding, thereby taking action against the shopkeeper and causing unnecessary hardship to the person concerned. It is my view that, in carrying out its duties under the law, members of the Enforcement Unit must always act with tact and diplomacy and must be seen to be just and fair in whatever action taken against any shopkeeper accused of hoarding.

6.33 ptg.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Kepala Bekalan 20 peruntukan perbelanjaan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini atas kesedarannya bahawa masih kurangnya bumiputra mengambil bahagian dalam bidang perniagaan di negara ini. Saya suka mengambil peluang di sini menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan kepada empat bidang yang sangat kurang yang saya

dapati orang-orang Melayu ataupun bumiputra mengambil bahagian dalamnya.

Yang pertama, ialah wakil penjual atau pengedar atau pembahagi rokok. Kalau kita perhatikan rokok adalah satu perniagaan yang sangat laris dan bolehlah kita katakan rokok ini salah satu essential goods ataupun perkara yang mesti dihisap oleh pengisap-pengisapnya. Kalau mereka tidak menghisap rokok sehari barangkali mereka tidak dapat berfikir dan sebagainya. Bumiputra sangat kurang mengambil bahagian dalam bidang ini.

Saya contohkan di Pulau Pinang. Ada seorang bumiputra telah diberi lesen, telah dilantik menjadi wakil penjual, tetapi kawasan yang diberinya sangatlah terhad lebih kurang dalam kawasan 3 batu sahaja. Sudah berkali-kali bumiputra ini meminta supaya kawasannya itu dilebuhkan, diluaskan lagi tetapi sampai hari ini tidak mendapat layanan langsung. Saya berharap supaya pihak Kementerian bukan sahaja membantu perniagaan yang saya maksudkan tadi, tetapi juga memberi lebih banyak peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra supaya dapat menceburkan diri menjadi wakil penjual atau pembahagi atau pengedar rokok.

Yang kedua, mengenai perniagaan petrol station ataupun station pam minyak. Patutlah Kementerian ini mengadakan satu peraturan apabila petrol station ini dibangunkan ataupun yang baru hendak dibangunkan, mestilah diutamakan kepada pemohon-pemohon daripada bumiputra. Kita dapati petrol station inipun ialah satu perniagaan yang sangat maju dan patutlah kita memberi keutamaan kepada orang bumiputra, dan dalam perkara ini supaya Kerajaan dapat menolong disamping memberi kemudahan. Sebagai contohnya, Kementerian-kementerian Kerajaan banyak menggunakan motokar dan lori, Kementerian Pertahanan misalnya, banyak menggunakan lori, jeep dan sebagainya, maka dengan cara ini pihak Kerajaan dengan sendirinya dapat memberikan kemudahan, serta pertolongan kepada petrol station yang dikerjakan ataupun dioperate oleh pihak bumiputra dengan cara menjadi pelanggan. Dengan cara ini bumiputra akan dapat maju dalam bahagian petrol station ini.

Yang ketiga, perusahaan perfileman. Kalau kita tengok perusahaan perfileman ini

samada menjadi pengedar, pembawa masuk dan panggung wayang dimonopoli oleh dua buah syarikat yang terbesar, dua gergasi yang terbesar, iaitu Syarikat Cathay dan Shaw Brothers. Sudah beberapa kali pihak bumiputra cuba hendak masuk dalam lapangan ini tetapi dua tiga bulan sahaja dapat bergerak, dapat bernafas, lepas itu langsung mati. Sebab gergasi ini begitu berkuasa, begitu kuat pengaruhnya dalam bidang ini, saya suka mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya, untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra masuk dalam lapangan ini tidaklah boleh perniagaan bumiputra itu secara bersendirian sahaja mendirikan syarikatnya. Apa yang dapat kita buat ialah mengadakan satu peraturan supaya kedua-dua buah syarikat ini menjualkan separuh ataupun 30% atau 40% daripada saham-sahamnya kepada bumiputra. Dengan cara ini barulah pihak bumiputra ini dapat berkecimpung dalam bidang perfileman ini.

Yang keempat, mengenai insuran. Dalam negara kita hari ini ada dua buah syarikat insuran yang dimodali atau dipunyai bumiputra iaitu Insuran MNI dan Syarikat Insuran TALASCO. Apa yang saya minta Kementerian Perdagangan. . .

Tuan Pengerusi: TALASCO itu apa nama penuhnya Yang Berhormat? Saya baru dengar dalam Dewan ini.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh: TALASCO itu asalnya daripada perkataan Tahan Lasak yang dipunyai oleh. . . .

Tuan Pengerusi: Nama syarikat TALASCO, bukan perkataan pendek?

Tuan Shamsuri bin Mohd Salled: Tidak.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan berkenaan dengan kenyataan bahawa ada dua buah syarikat insuran bumiputra.

Tuan Pengerusi: Pada ketika ini Yang Berhormat tidak boleh menyampuk, cuma saya hendak bertanya atas namanya sahaja.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau yang bercakap itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak boleh menyampuk sekarang ini.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, ada dua buah syarikat insuran yang bermodalkan modal bumiputra iaitu TALASCO dan M.N.I. Dalam perkara ini pihak Kerajaan boleh memberi pertolongan dengan cara mengadakan peraturan atau undang-undang. Syarikat-syarikat perdagangan yang diberi taraf perintis, umpamanya, kilang letronik iaitu perusahaan kilang letronik di Pulau Pinang, banyak perusahaan-perusahaan kilang letronik ini sudah ditubuhkan, tetapi apabila pihak Insuran M.N.I. dan TALASCO ini cuba menawarkan insuran kepada syarikat-syarikat perusahaan ini, maka jawabnya, kami sudah pun ada insuran daripada London, daripada Amerika dan sebagainya. Kalau syarikat-syarikat ini kita memberi peluang, memberi taraf perintis, memberi berbagai-bagai kemudahan, maka sepatutnya syarikat yang begini patut pihak Kementerian menggesa atau mengadakan satu peraturan supaya syarikat ini dapat pula memberi sumbangannya kepada negara ini dengan cara mengambil insuran, terutama daripada kedua-dua buah syarikat yang saya maksudkan tadi.

Selain daripada kita memberi kemudahan kepada bumiputra dalam lapangan perniagaan ini, kita patutlah juga awasi beberapa perkara yang menghalang bumiputra mendapat kesempatan di dalam perniagaan ini. Salah satu contohnya yang saya patut menarik perhatian Kementerian ini ialah lesen-lesen penjaja yang dikeluarkan kepada orang yang bukan warganegara. Contohnya, di Pulau Pinang Tuang, Tuan Pengerusi, banyak bukan warganegara yang memegang Kad-kad Pengenalan merah telah diberi lesen penjaja menjual roti, mengedarkan suratkhabar dan sebagainya. Saya sendiri dapat memeriksa, saya bertanya kepada pihak penjaja tadi: boleh saya tenguk Kad Pengenalan awak, dia menunjukkan Kad Pengenalan Merah, dia bukan warganegara tetapi dia dapat berniaga, dia menjual roti, dia dapat mengedarkan surat-suratkhabar. Sungguhpun suratkhabar ini barangkali satu perniagaan yang barangkali kecil, tetapi kalau kita teliti, penjual-penjual suratkhabar ini mendapat tidak kurang daripada \$10 sehari. Jadi, peluang yang begitu kalau kita tidak sekat kepada bukan warganegara, maka pihak-pihak rakyat kita sendiri atau

pihak bumiputra sendiri tidak dapat peluang yang begini. Daripada kecilah kita dapat mengasuh bumiputra ini berniaga dan barulah diadakan beransur-ansur besar.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, pengecualian cukai patut juga kita beri kepada bumiputra-bumiputra yang baru berniaga. Dua tiga orang sahabat saya telah cuba untuk berniaga dan memohon lesen-lesen pendaftaran perniagaan. Belum pun mereka ini menjalankan perniagaan, maka datanglah borang-borang daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri meminta keterangan berapa perniagaan awak selama setahun sudah dan begitu-begini. Jadi, ini melibatkan dan menakutkan pihak bumiputra yang cuba hendak masuk dalam lapangan perniagaan. Maka oleh itu, saya mencadangkan supaya diberi peluang atau diberi pengecualian cukai sekurang-kurangnya selama tiga tahun kepada bumiputra-bumiputra yang baru melangkah masuk dalam lapangan perniagaan ini. Dengan cara itu, saya fikir bolehlah orang-orang ini dapat maju. Apabila mereka sudah maju, pengecualian cukai ini ditarik balik.

6.44 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, bagi menyokong peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kepala Bekalan 20 dan Kepala Pembangunan 20, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah membuat banyak rancangan dan berbagai-bagai lagi termasuk rancangan-rancangan ini diuntukkan kepada bumiputra.

Saya menarik perhatian pihak Kementerian berkenaan dengan perusahaan perfileman juga seperti mana yang telah disebutkan oleh rakan saya dari Balik Pulau tadi. Perusahaan ini telah lama wujud di dalam negara kita dan sehingga saat ini pun belum dapat diatasi oleh Kerajaan, walaupun telah berkali-kali perkara ini ditimbulkan. Sehingga ini di seluruh negara kita banyak panggung-panggung wayang, banyak wayang-wayang gambar-gambar yang ditunjukkan dan pada tiap-tiap hari ramai penuntun-penuntun keluar menuntun filem-filem ini dan di setengah-setengah tempat di kawasan bumiputra lebih ramailah bumiputra menuntun, mengeluarkan wang menuntun filem-filem tersebut. Kalau kita memperkatakan bumiputra tidak layak berkecimpung di dalam

perusahaan perfileman, ini tidak adil kerana jika kita perhatikan perusahaan-perusahaan filem yang telah wujud di dalam negara kita ini pelakun-pelakun sudah adapun telah beberapa lama terdiri daripada Bumiputra, pengarah-pengarah pun sudah wujud beberapa lama dahulu terdiri daripada Bumiputra. Filem-filem yang dilakukan oleh bumiputra yang telah diarahkan oleh bumiputra filem-filem ini, sudahpun mendapat sambutan seperti mana yang disambut kepada filem-filem yang dibuat oleh syarikat-syarikat lain.

Selain daripada itu telah wujud sekarang beberapa syarikat pengedar-pengedar filem di dalam negara kita yang terdiri daripada bumiputra. Tetapi kita selalu membaca dalam akhbar mendengar rungutan bahawa mereka ini masih ketinggalan lagi di dalam perusahaan ini. Ini kerana tidak ada tempat-tempat yang tertentu yang boleh ditayangkan gambar-gambar ataupun di panggung-panggung yang dipunyai oleh bumiputra. Sungguhpun di Kuala Lumpur ini ada sebuah panggung yang dipunyai oleh bumiputra iaitu Pawagam P. Ramlee, tetapi tidaklah boleh kita anggap sebuah panggung ini boleh membanggakan bumiputra yang ada di Kuala Lumpur ini sendiri. Oleh sebab itu, sudah sampai masanya cara-cara yang patut diisytiharkan oleh Kerajaan bagaimana satu caranya yang baik untuk bumiputra masuk di dalam sebarang lapangan yang mengenai perfileman ini daripada membuat gambar membuat filem sehingga diedarkan gambar dan dapat ditayangkan kepada orang ramai. Dan bukan sahaja mereka ini menjadi pelakun, menjadi pengarah, menjadi pengedar, bahkan sudah layak bumiputra ini menjadi taukeh-taukeh pula sepertimana yang telah wujud daripada mereka yang bukan bumiputra yang ada di dalam negara kita sekarang. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, di dalam cara melaksanakan ini panggung-panggung wayang yang telah wujud di dalam negara kita beratus-ratus buah dan mungkin beribu-ribu buah yang ada sekarang patutlah diberi peluang seperti mana yang telah dikatakan oleh rakan saya tadi. Bagaimana saham-saham ini dapat dibeli bumiputra dan bagaimana pula pihak bumiputra dapat mentadbirkan bersama-sama supaya perusahaan-perusahaan filem ini dapat diusahakan bersama dengan bumiputra.

Selain daripada itu, saya yakin panggung wayang akan banyak lagi dibangunkan di

dalam negara kita. Jika sekiranya tidak dikawal dengan sebaik-baiknya mungkin panggung wayang ini akan dibuat oleh mereka yang sudah ada panggung wayang beratus-ratus bahkan beribu-ribu buah tersebut. Oleh itu, Kerajaan patut mengawal bagaimana caranya yang baik supaya panggung wayang yang akan didirikan pada masa akan datang dapat dimiliki oleh bumiputra. Adakah dengan cara Kerajaan memberi bantuan, tetapi saya yakin kalau sudah ada pengedar-pengedar, syarikat-syarikat yang mengedar filem, syarikat-syarikat yang ingin sangat hendak masuk dalam lapangan ini, mungkin mereka ini sudahpun berikhtiar, sudahpun berusaha supaya panggung wayang mereka sendiri dapat dibuat di dalam negara kita ini. Saya rasa pihak-pihak lain, pihak MARA, pihak UDA dan berbagai-bagai lagi mungkin dapat memberi bantuan sekiranya rancangan-rancangan ini dapat diawasi ataupun dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, kerana sekian lama bumiputra ini bergantung penuh kepada Kerajaan. Dalam sebarang lapangan bumiputra yang boleh wujud, boleh maju di dalam negara kita kerana diberi pertolongan oleh pihak Kerajaan. Kalau sekiranya Kerajaan tidak memberi pertolongan langsung ataupun tidak membuat usaha supaya peniaga bumiputra ini maju maka, usaha hendak memajukan bumiputra dalam lapangan perfileman ini tidak akan berhasil.

Kita tahu bagaimana yang sudah ada sehingga sekarang ini cara-cara perniagaan filem ataupun panggung wayang gambar ini sudah ada begitu maju sekali dan kita nampak dari satu masa dahulu ada syarikat yang sudah berusaha menayangkan gambar-gambar yang diedarkannya dan kita rasa dukacita kerana gambar-gambar itu dapat ditayangkan di dewan-dewan kecil sahaja, di tempat-tempat mesyuarat dan sebagainya, dan kita dengar berita pula syarikat ini sehingga akhir ini sudah tidak dapat berbuat begitu lagi, kerana cara mereka menayangkan tidak dapat diberi peluang oleh pihak tertentu. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan dan mengharapkan pihak Kerajaan supaya bersungguh-sungguh mengambil perhatian daripada membuat filem, menjadikan filem, mengedarkan filem, panggung wayang yang akan diadakan di seluruh negara kita dan yang sudah ada di negara kita ini dapat dimasuki oleh bumiputra.

Kalau di dalam lapangan lain bumiputra telah dapat menunjukkan kejayaan, saya rasa di dalam lapangan perusahaan perfileman ini mungkin bumiputra pun akan menunjukkan kejayaan juga, kerana di dalam perhatian kita daripada sejak beberapa lama dahulu lagi bumiputra ini sudahpun maju di dalam bahagian seni, di dalam bahagian-bahagian menjadi pelakon, di dalam pengedaran filem dan banyak di antara mereka inipun pada masa sudah pandai mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat filem luar negeri bagaimana hendak memajukan perfileman bumiputra.

Saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada syarikat-syarikat bumiputra yang telah ada walaupun mereka ini terpaksa bekerja keras, terpaksa bersusah payah hendak membuktikan kepada negara, kepada dunia bahawa Bumiputra boleh masuk di dalam lapangan tersebut. Saya berharap mereka itu akan terus berusaha bersungguh-sungguh lagi, dengan adanya usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan pada masa yang akan datang, kita merayu supaya syarikat-syarikat ini tidak akan ketinggalan.

Kepada Kementerian saya yakin mungkin ada masaalah-masaalah tanah dan sebagainya untuk dapat mendirikan panggung-panggung wayang itu dan saya rasa Kerajaan Negeri mungkin akan memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat supaya dapat bersama-sama mencari jalan mendirikan panggung-panggung wayang moden ataupun dimodali oleh pihak bumiputra sendiri. Saya merayu sangat supaya Kementerian ini dapat memandang perkara ini satu perkara yang penting seperti mana perkara-perkara yang lain yang sudahpun dijalankan di dalam negara kita ini.

6.54 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah meminta peruntukan berjumlah \$34,610,147. Saya suka mengambil kesempatan untuk memperkatakan sedikit dalam masaalah Kepala B. 20. Pecahan-kepala (Kod) 2800, Aktiviti (2), (3) dan (4) muka surat 151.

Mengikut hemat saya, Kementerian ini banyak terlibat ataupun bersangkutan-paut dengan keadaan inflasi ataupun stagflasi yang kita hadapi dan juga negara sekarang ini, maka sudah tentu banyak perkara yang ada

hubungan dengan Kementerian ini yang mesti dipertanggungjawabkan dan yang mesti berkehendakkan Kementerian ini bertindak tegas dalam beberapa perkara misalnya, dalam perkara kenaikan harga barang yang melambung tinggi.

Dalam menghadapi kepentingan pengguna-pengguna misalnya, harga-harga barang selalu naik, maka pihak orang tengah ataupun pihak peniaga menaikkan harga sesuatu barang itu lebih berkali ganda dan ini amat menyusahkan pengguna. Misalnya, saya tegaskan di sini permintaan untuk menaikkan harga gula. Harga yang dibenarkan oleh Kementerian berkenaan itu naik 10 sen bagi satu kati, tetapi penjual ataupun pekedai kopi menaikkan harga kopi 5 sen bagi satu cawan, yang bererti kalau hendak didharabkan 10 sen bagi satu kati dengan 5 sen bagi satu cawan itu berlipat ganda telah divedok ataupun yang diambil oleh pekedai itu mendapat untung mengambil kesempatan daripada kenaikan harga-harga barang keperluan itu. Sepatutnya pihak Kementerian ini mengajak orang-tengah ataupun pihak pengeluar, di dalam saat inflasi seperti yang ada sekarang ini, maka hendaklah pihak pengeluar ataupun peniaga-peniaga itu menanggung sedikit kekurangan untung. Bukan menanggung kerugian, tetapi kekurangan daripada keuntungan yang berlebihan yang mereka itu dapat sejak zaman-berzaman sebelum masa inflasi yang ada sekarang ini. Maka hendaklah orang-tengah atau pengeluar ini menanggung sedikit kekurangan keuntungan mereka itu.

Apa yang kita dapati apabila barang-barang ini minta dinaikkan sedikit, maka apa yang hendak dijual kepada pengguna-pengguna akan dinaikkan lebih berganda-ganda. Jadi, mereka ini dapat keuntungan berganda-ganda daripada apa yang telah dibenarkan oleh pihak Kementerian ini.

Selain daripada itu, masalah Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan. Sekarang ini saya nampak dalam keadaan negara kita ini ataupun di mana sahaja dalam dunia kemerosotan ataupun inflasi ini yang didatangi akibat yang besarnya kekurangan minyak ataupun tenaga minyak. Saya suka memberi pandangan dan pendapat saya kepada Kementerian berkenaan iaitu dengan kedudukan kewangan dunia sekarang ini mencurahkan datang ke negara-negara pengeluaran minyak, Kementerian ini mengarahkan ataupun menghantar rombongan kita ke

negara-negara pengeluar minyak itu untuk menghubungi perdagangan negara kita ini dengan negara-negara yang didatangi wang itu bercurah-curah ke negara mereka supaya negara kita dapat mengambil sama keuntungan wang daripada negara lain.

Di dalam menghantar rombongan ke negara-negara pengeluar minyak yang banyak di dalam dunia ini adalah negara-negara Arab, maka saya suka memberikan pandangan kepada Kementerian ini iaitu dalam rombongan-rombongan itu jangan dilupakan mencari atau mengadakan anggota-anggotanya terdiri daripada orang-orang yang pandai

ataupun mengetahui bahasa Arab bagi menarik negara-negara yang begitu kuat sentimen kebangsaan ataupun bahasa mereka.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kalau ada lagi sedikit hendak bercakap, boleh sambung esok selama 5 minit lagi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 11hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.